



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019

SIRI 1

AKTIVITI JABATAN DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

SELANGOR

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019

SIRI 1

AKTIVITI JABATAN DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

**SELANGOR**

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





## **KANDUNGAN**



---

## **KANDUNGAN**

---

**MUKA  
SURAT**

**PENDAHULUAN**

vii

**AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR  
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI** 1 - 3

1. Pengurusan Program Skim Peduli Sihat

**KERAJAAN NEGERI SELANGOR** 2 - 3

2. Yayasan Selangor

**PENUTUP** 3 - 3

**AKRONIM** 4 - 3





# PENDAHULUAN



---

## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Selangor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

**1.2. Pengauditan Pematuhan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

**1.3. Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

**1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 1 ini hanya meliputi pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan, yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti di satu (1) jabatan dan satu (1) syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)*.

3. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*) mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 11 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan dan syarikat berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan negeri. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan ini juga diharap dapat diambil pengajaran (*lessons learnt*) bagi membolehkan Kerajaan negeri mendapat nilai terbaik bagi wang (*value for money*) atas setiap perbelanjaan yang dibuat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan dan syarikat Kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**  
**20 November 2020**



**PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR**

**UNIT PERANCANG EKONOMI  
NEGERI**

**1. PENGURUSAN PROGRAM SKIM PEDULI SIHAT**



## RINGKASAN EKSEKUTIF

# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

## UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

### PENGURUSAN PROGRAM SKIM PEDULI SIHAT

#### Perkara Utama

##### Apa yang diaudit?

- Program Skim Peduli Sihat (SPS) atau skim perlindungan perubatan dan kesihatan telah diperkenalkan semasa Belanjawan Kerajaan negeri Selangor Tahun 2017 pada 31 Oktober 2016. SPS merupakan salah satu program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang menyasarkan golongan berpendapatan 40% terendah (B40). Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM155 juta untuk pelaksanaan program ini bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 dengan menyasarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan secara percuma kepada 250,000 keluarga atau satu (1) juta rakyat negeri Selangor.
- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan program SPS bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit, iaitu prestasi program dan pengurusan program.
- Bagi prestasi program, penilaian dibuat berdasarkan dua (2) perkara, iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome* berhubung program yang dilaksanakan. Pengurusan program SPS pula meliputi lima (5) aspek, iaitu pencapaian kewangan, pentadbiran kontrak, proses permohonan dan kelulusan, proses tuntutan dan pembayaran serta pelaksanaan program.
- Pengauditan melibatkan empat (4) pihak, iaitu Sub Seksyen Kesihatan, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Selcare Management Sdn. Bhd. (Selcare), Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dewan Undangan Negeri Selangor (DUN) dan klinik panel yang berdaftar dengan Selcare.

## **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Program SPS diwujudkan dengan matlamat untuk meringankan beban kos sara hidup yang tinggi dalam kalangan kumpulan B40 terutama bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan dan meningkatkan akses golongan sasar untuk mendapat rawatan kesihatan dan perubatan daripada penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Selain itu, skim ini juga diharap dapat mengurangkan pergantungan rakyat terhadap hospital dan klinik Kerajaan dan menzahirkan keprihatinan Kerajaan negeri terhadap taraf kesihatan dan kualiti hidup rakyat negeri Selangor.
- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program SPS telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu meringankan beban kos penjagaan kesihatan golongan B40 di negeri Selangor.

## **Apa yang ditemui Audit?**

- Penetapan sasaran awal sebanyak 250,000 keluarga mendapat manfaat SPS menjelang tahun 2022 telah dapat dicapai pada tahun 2018 dengan bilangan sebenar yang mendapat manfaat adalah 372,099 keluarga. Bagaimanapun pada tahun 2019, Kerajaan negeri telah melaksanakan penjajaran semula SPS dengan memperketatkan syarat dan kriteria kelayakan serta mengehadkan penerima manfaat kepada hanya 65,000 keluarga. Tujuannya adalah untuk memastikan kemudahan pembiayaan perubatan hanya diberi kepada golongan yang benar-benar layak. Melalui proses pengemaskinian data penerima pada tahun 2019 yang mengambil kira syarat dan had baharu yang ditetapkan, bilangan penerima manfaat pada tahun 2019 adalah 59,296 (91.2%) keluarga. Penjajaran semula oleh Kerajaan negeri telah menyebabkan 312,803 keluarga ditamatkan daripada menikmati kemudahan pembiayaan di bawah skim ini.
- Penilaian *outcome* program tidak pernah dijalankan walaupun pelaksanaannya telah bermula sejak tahun 2017. Bagaimanapun, berdasarkan analisis Audit terhadap 242 borang soal selidik, 232 (95.9%) responden telah mendapatkan perkhidmatan rawatan di klinik swasta. Ini menunjukkan program SPS dapat meningkatkan akses rawatan kesihatan dan perubatan kepada klinik swasta serta mengurangkan kebergantungan kepada hospital dan klinik kerajaan. Selain itu, tahap penyampaian perkhidmatan Selcare selaku *Third Party Healthcare Administrator* (TPHA) telah dinilai memuaskan oleh

25 klinik panel yang dipilih sebagai sampel Audit bagi aspek penggunaan sistem, dokumentasi proses SPS dan pengurusan tuntutan.

- Pengurusan program pula belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana terdapat kelemahan dalam aspek pentadbiran kontrak, pengurusan kewangan, proses permohonan, proses tuntutan dan pembayaran serta pelaksanaan program yang menjelaskan kecekapan pengurusan program SPS di negeri Selangor secara keseluruhannya.
- Wujud kelemahan dalam aspek pengurusan aktiviti program SPS antaranya:
  - pengurusan kewangan yang defisit kerana tuntutan yang tinggi berikutan peningkatan pemegang kad SPS pada tahun 2018;
  - kontrak tidak dimeterai antara Kerajaan negeri dengan TPHA menyebabkan obligasi setiap pihak tidak dinyatakan secara jelas dan tepat;
  - berlaku kelewatan dalam proses permohonan keahlian melibatkan 21,631 pemohon SPS bagi tempoh bulan Januari 2017 hingga Disember 2019 menyebabkan proses kelulusan tidak dapat dilaksanakan;
  - sebanyak 75 (49.7%) daripada 151 penerima manfaat yang aktif tidak memenuhi syarat, iaitu tidak lahir di negeri Selangor dan tiada pengesahan pemastautin manakala 63 (41.7%) tidak mengemukakan dokumen sokongan pengesahan pendapatan. Selain itu, 20 (13.2%) daripada 151 penerima manfaat tidak berdaftar sebagai pengundi manakala 10 (6.6%) penerima merupakan pengundi luar negeri Selangor;
  - sebanyak 14,379 kad SPS belum diagihkan kepada penerima manfaat melibatkan 31 PKM DUN menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam sejumlah RM34,940; dan
  - tiada penetapan yang jelas mengenai kaedah pemantauan program SPS yang dilaksanakan oleh UPEN untuk memantau pelaksanaan di peringkat Selcare dan PKM DUN.



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

## **UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI**

### **1. PENGURUSAN PROGRAM SKIM PEDULI SIHAT**

#### **FAKTA UTAMA**

<b>TAHUN 2017</b>	<b>RM155 Juta</b>	<b>Kumpulan Sasar</b>
Program Skim Peduli Sihat (SPS) diperkenalkan.	Jumlah peruntukan (Tahun 2017-2019)	Inisiatif Peduli Rakyat bagi meringankan beban kos penjagaan kesihatan kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).
<b>Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)</b>	Bertanggungjawab mewujudkan dasar dan hala tuju serta memastikan program SPS dapat direalisasikan sepenuhnya.	
<b>Selcare Management Sdn. Bhd.</b>	Pelaksana program SPS bagi negeri Selangor.	

#### **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Program Skim Peduli Sihat (SPS) atau skim perlindungan perubatan dan kesihatan telah diperkenalkan semasa Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2017 pada 31 Oktober 2016. SPS merupakan salah satu program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang menyasarkan golongan berpendapatan 40% terendah (B40).

1.2. Kerajaan negeri (KN) telah memperuntukkan sejumlah RM155 juta untuk pelaksanaan program ini bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. KN telah menyasarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan secara percuma kepada 250,000 keluarga atau satu (1) juta rakyat negeri Selangor yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3,000 dan ke bawah. Objektif program SPS adalah seperti berikut:

- a. meringankan beban kos sara hidup yang tinggi dalam kalangan kumpulan B40 terutama bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan;
- b. meningkatkan akses golongan sasar untuk mendapat rawatan kesihatan dan perubatan daripada penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta serta mengurangkan pergantungan rakyat terhadap hospital dan klinik Kerajaan; dan
- c. menzahirkan keprihatinan KN terhadap taraf kesihatan dan kualiti hidup rakyat negeri Selangor.

1.3. Sub Seksyen Kesihatan, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bertanggungjawab dalam pembentukan dasar dan hala tuju serta memastikan program SPS dapat direalisasikan sepenuhnya. Pelaksanaan Program SPS dijalankan oleh Selcare Management Sdn. Bhd. (Selcare) yang bertindak sebagai *Third Party Healthcare Administrator* (TPHA). Selcare merupakan anak syarikat Selgate Corporation Sdn. Bhd. di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Selain itu, pelaksanaan SPS juga melibatkan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dewan Undangan Negeri Selangor (DUN) dan klinik panel yang berdaftar dengan Selcare. Tanggungjawab pihak terlibat diringkaskan seperti dalam **Jadual 1** manakala proses permohonan dan pelaksanaan SPS seperti dalam **Rajah 1**.

**JADUAL 1**  
**PIHAK TERLIBAT DALAM PROGRAM SPS**

PIHAK TERLIBAT	TANGGUNGJAWAB
Sub Seksyen Kesihatan, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merangka hala tuju dan dasar serta memastikan program SPS dapat direalisasikan sepenuhnya.</li> </ul>
Selcare Management Sdn. Bhd. [ <i>Third Party Healthcare Administrator</i> (TPHA)]	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguruskan proses pendaftaran dan kelulusan pemohon.</li> <li>Menguruskan proses pendaftaran klinik panel, tuntutan dan pembayaran kepada panel klinik.</li> </ul>
Pusat Khidmat Masyarakat, Dewan Undangan Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelaras proses permohonan dan pengesahan yang diterima daripada golongan sasar sebelum dikemukakan kepada Selcare.</li> <li>Membuat pengagihan kad keahlian SPS kepada penerima manfaat.</li> </ul>
Klinik Panel	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan rawatan kepada pemegang kad SPS.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**RAJAH 1**  
**PROSES PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN SPS**



Sumber: Selcare

1.4. Setiap keluarga yang berdaftar di bawah skim ini akan dibekalkan dengan satu (1) kad SPS bagi membolehkan mereka mendapat perkhidmatan penjagaan kesihatan daripada klinik panel yang ditetapkan. Pada peringkat awal program SPS diperkenalkan, KN menawarkan rawatan kesihatan asas di klinik serta pembiayaan sejumlah RM500 setahun untuk keluarga dan RM200 untuk individu dengan had kegunaan RM50 setiap rawatan. Seterusnya pada tahun 2018, had pembiayaan telah dinaikkan kepada RM700 setahun untuk keluarga dan RM380 untuk individu bagi mendapatkan suntikan vaksin antaranya seperti *pneumokokal*, *meningococal*, *hepatitis B*, *influenza* dan *typhoid*. Namun, had pembiayaan ini hanya layak diberikan sekiranya keluarga atau individu memerlukan salah satu suntikan vaksin tersebut.

1.5. Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-5 pada 14 Februari 2018 telah meluluskan kenaikan had kegunaan rawatan daripada RM50 kepada RM70. Sehingga 31 Disember 2019, seramai 59,296 rakyat negeri Selangor telah menikmati perkhidmatan penjagaan kesihatan secara percuma melibatkan 1,517 klinik yang berdaftar dengan Selcare di sekitar Selangor dan Lembah Klang. Setelah dua (2) tahun program dilaksanakan, KN telah membuat penjajaran semula dengan memperketatkan syarat kelayakan penerima SPS sedia ada.

1.6. Bermula dari bulan Mei 2019, bagi memastikan manfaat program SPS dinikmati oleh golongan yang benar-benar memerlukan, perubahan syarat kelayakan ini dibuat melalui maklumat yang terdapat di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan sistem eKasih dengan memberi keutamaan kepada keluarga yang berpendapatan isi rumah RM2,000 dan ke bawah.

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program SPS telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu meringankan beban kos penjagaan kesihatan golongan B40 di negeri Selangor.

## **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Skop pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit, iaitu prestasi dan pengurusan program SPS bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Prestasi program SPS dinilai berdasarkan dua (2) perkara, iaitu prestasi pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan program SPS pula meliputi lima (5) aspek, iaitu pencapaian kewangan, pentadbiran kontrak, proses permohonan dan kelulusan, proses

tuntutan dan pembayaran serta pelaksanaan program. Pengauditan dijalankan di Seksyen PBT UPEN, Selcare dan PKM DUN.

3.2. Bagi tujuan pengauditan, sebanyak lima (5) (8.9%) daripada 56 PKM DUN dipilih sebagai sampel, iaitu Batang Kali, Dengkil, Kajang, Kota Anggerik dan Sungai Panjang. Pihak Audit telah membuat semakan dokumen terhadap 750 borang permohonan yang diterima oleh lima (5) PKM DUN tersebut. Semakan proses tuntutan daripada klinik panel kepada Selcare melibatkan 545 (1.5%) daripada 35,565 borang tuntutan bagi tempoh bulan Jun dan Disember 2017, bulan Jun dan Disember 2018 serta bulan Mac dan November 2019. Selain itu, sebanyak 25 klinik panel telah dipilih untuk pengesahan fizikal. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN PROGRAM SPS**

BIL.	AKTIVITI	POPULASI	SAMPEL AUDIT	
			BILANGAN	(%)
1.	PKM DUN	56	5	8.9
2.	Semakan Dokumen Permohonan Diterima	9,785	750	7.7
3.	Tuntutan oleh Klinik Panel	35,565	545	1.5
4.	Pengesahan Fizikal di Klinik Panel	160	25	15.6

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan program SPS. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat dibuat bagi mendapatkan penjelasan lanjut terhadap isu berbangkit. Pengesahan fizikal juga dijalankan di lima (5) PKM DUN dan 25 klinik panel yang dipilih. Selain itu, borang soal selidik turut diedarkan kepada golongan sasar dan klinik panel bagi mengkaji keberkesanan program SPS.

#### **5. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2019 hingga Januari 2020 telah menemui beberapa perkara. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada UPEN telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) pada 15 Jun 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

## 5.1. Prestasi Program

### 5.1.1. Pencapaian Output

- a. Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri 2018-2022 melalui strategi meningkatkan tahap kualiti kesihatan rakyat, telah menyasarkan pembentukan kos perkhidmatan kesihatan secara percuma kepada 250,000 keluarga atau satu (1) juta rakyat Selangor dalam kumpulan B40. Sasaran tersebut adalah bagi tempoh lima (5) tahun, di mana seramai 50,000 keluarga akan diluluskan setiap tahun untuk mencapai sasaran 250,000 keluarga yang ditetapkan pada tahun 2022.
- b. Semakan Audit terhadap status pemohon utama yang dikeluarkan oleh Selcare selaku TPHA mendapati 296,119 permohonan telah diterima pada tahun 2017 di mana 286,096 (96.6%) permohonan telah diluluskan. Jumlah kelulusan pada tahun pertama pelaksanaan skim ini telah melebihi sasaran awal yang ditetapkan iaitu 50,000 keluarga. Selanjutnya, pada tahun 2018, 86,548 permohonan telah diterima di mana 86,003 (99.4%) permohonan telah diluluskan. Jumlah kelulusan pada tahun 2018 juga telah melebihi sasaran tahunan yang ditetapkan. Seterusnya, **jumlah kumulatif pemegang kad SPS sehingga akhir tahun 2018 adalah seramai 372,099. Ini menunjukkan sasaran 250,000 yang ditetapkan menjelang tahun 2022 telah dapat dicapai hanya selepas dua (2) tahun pelaksanaan SPS.** Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 3.**

**JADUAL 3  
PENCAPAIAN SKIM PEDULI SIHAT  
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	SASARAN TAHUNAN	JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA	JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN	KELULUSAN BERBANDING PERMOHONAN (%)	PEMEGANG KAD AKTIF KUMULATIF
2017	50,000	296,119	286,096	96.6	286,096
2018	50,000	86,548	86,003	99.4	372,099
2019	65,000	16,358	-	0.0	59,296*

Sumber: Selcare

Nota: (\*) - Bilangan penerima yang layak mendapat kemudahan SPS selepas proses penajaran semula skim pada bulan Mei 2019

- c. Berdasarkan kelulusan MMKN pada 24 April 2019, permohonan baharu telah dihentikan sementara mulai bulan Mei 2019 kerana KN telah melaksanakan penajaran semula program SPS. Menurut Selcare, bilangan permohonan yang

diterima setakat bulan Mei 2019 adalah sebanyak 16,358 telah tidak diproses bagi membolehkan pengemaskinian kad aktif sedia ada disemak semula.

- d. Pihak Audit mendapati penjajaran semula program pada tahun 2019 dibuat kerana terdapat kelemahan dalam syarat awal pelaksanaan program. Penjajaran semula antara lain melibatkan perkara seperti berikut:
- i. penerima manfaat dihadkan kepada hanya 65,000 keluarga mulai tahun 2019.
  - ii. syarat dan kriteria penerima manfaat di bawah skim ini telah diperketatkan bagi memastikan manfaat program SPS hanya diberikan kepada golongan yang benar-benar layak. Syarat baharu yang ditetapkan adalah seperti berikut:
    - pendapatan isi rumah bagi penerima yang layak telah diturunkan daripada RM3,000 kepada RM2,000;
    - penerima telah berdaftar dalam sistem eKasih atau Bantuan Sara Hidup (BSH); dan
    - aktif menggunakan kad SPS dalam tempoh dua (2) tahun.
- e. Semakan Audit mendapati penjajaran semula yang dilakukan pada tahun 2019 oleh Selcare telah menyebabkan proses pengemaskinian data penerima sedia ada untuk menentukan penerima manfaat yang berkelayakan mengikut syarat baharu yang ditetapkan. **Selepas penjajaran, hanya 59,296 keluarga yang layak mendapat manfaat di bawah SPS berbanding 372,099 keluarga sedia ada yang masih aktif menggunakan kemudahan SPS setakat tahun 2018.** Ini bermaksud seramai 312,803 (84.1%) keluarga telah ditamatkan daripada menikmati perkhidmatan penjagaan kesihatan secara percuma di bawah skim ini.
- f. Daripada 312,803 keluarga tersebut, 241,264 (77.1%) keluarga telah hilang kelayakan disebabkan pendapatan yang melebihi RM2,000 sebulan, bukan merupakan penerima Bantuan Sara Hidup atau tidak berdaftar dengan eKasih seperti yang ditetapkan. Manakala sebanyak 71,539 (22.9%) keluarga memenuhi kriteria tetapi hilang kelayakan disebabkan penetapan kuota mengikut DUN yang dilaksanakan selepas penjajaran semula tahun 2019. Bagaimanapun, UPEN telah mengkategorikan penerima manfaat yang hilang kelayakan ini sebagai *standby* atau simpanan untuk pengisian jika berlaku kekosongan pada masa hadapan.


- g. Perbandingan pencapaian penerima manfaat SPS mengikut tahun adalah seperti dalam **Graf 1**.



Sumber: Selcare

- h. Semakan Audit juga mendapati tiada pewujudan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) dibuat oleh UPEN di bawah skim ini berhubung penamatan kelayakan pemohon. Kesannya, penerima tidak mengetahui tempoh masa dan faedah yang diperoleh daripada program SPS.
- i. Seterusnya, semakan Audit mendapati penerima manfaat yang aktif berdasarkan komposisi kaum pada tahun 2019 terdiri daripada 27,929 (46.9%) Melayu, diikuti 18,642 (31.3%) India, 12,288 (20.7%) Cina dan 629 (1.1%) lain-lain kaum. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**PENERIMA MANFAAT YANG AKTIF MENGIKUT**  
**KOMPOSISI KAUM SEHINGGA 31 DISEMBER 2019**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- j. Berdasarkan MMKN pada 10 Julai 2019, antara perkara baharu yang diperkenalkan semasa penjajaran semula SPS pada tahun 2019 ialah penetapan kuota penerima manfaat mengikut DUN. Dalam hal ini, setiap DUN akan ditetapkan kuota penerima manfaat mengikut bilangan pengundi berdaftar bagi DUN tersebut seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**KUOTA PENERIMA MANFAAT MENGIKUT PENGUNDI BERDAFTAR**

BIL.	JUMLAH PENGUNDI	BIL. DEWAN NEGERI	BILANGAN PENERIMA MENGIKUT DEWAN NEGERI	JUMLAH
1.	Pengundi kurang 30,000	13	700	9,100
2.	Pengundi 30,000 - 45,000	14	1,021	14,294
3.	Pengundi 45,000- 60,000	24	1,381	33,144
4.	Pengundi melebihi 60,000	5	1,690	8,452
<b>JUMLAH</b>		<b>56</b>	-	<b>65,000</b>

Sumber: UPEN

- k. Selanjutnya, semakan Audit sehingga 31 Disember 2019 mendapati 41 (73.2%) daripada 56 DUN telah memenuhi kuota yang ditetapkan dengan bilangan penerima manfaat sebanyak 44,066. Kuota penerima bagi 15 (26.8%) DUN lagi tidak dimanfaatkan sepenuhnya di mana masih terdapat 5,704 kuota yang belum digunakan. Analisis Audit mendapati perkara ini disebabkan tiada permohonan baharu diproses oleh Selcare pada tahun 2019, sebaliknya hanya proses pengemaskinian data penerima dilakukan selepas penajaran program SPS.

Keadaan ini menyebabkan kuota yang kosong belum dapat diisi sepenuhnya oleh PKM. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN YANG MASIH BELUM MEMENUHI KUOTA**

BIL.	PKM DUN	KUOTA	DIISI	BELUM ISI
1.	Balakong	1,690	794	896
2.	Bandar Utama	1,381	505	876
3.	Bukit Lanjan	1,690	967	723
4.	Bukit Gasing	1,021	894	127
5.	Dusun Tua	1,381	1,347	34
6.	Gombak Setia	1,381	1,247	134
7.	Kampung Tunku	1,381	420	961
8.	Kota Alam Shah	1,381	1,380	1
9.	Kota Kemuning	1,381	1,295	86
10.	Kota Anggerik	1,381	1,276	105
11.	Pandan Indah	1,381	760	621
12.	Pandamaran	1,381	1,380	1
13.	Selat Klang	1,021	763	258
14.	Subang Jaya	1,690	1,192	498
15.	Teratai	1,393	1,010	383
<b>JUMLAH</b>		<b>20,934</b>	<b>15,230</b>	<b>5,704</b>

Sumber: Selcare

### Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 12 Mei 2020

Tiada Dasar Pemisah (*Exit Policy*) yang dilaksanakan bagi SPS memandangkan bantuan ini tidak bersifat kekal dan bergantung kepada kelayakan pemohon dan kedudukan kewangan KN. Ianya bukan bersifat eksklusif serta boleh ditarik pada bila-bila masa sahaja.

Semakan kelayakan dan syarat penerima SPS disemak setiap dua (2) tahun bermula pada tahun 2019. Selain itu, semakan semula penerima SPS akan dibuat pada tahun 2021 bagi memastikan semua syarat dan kelayakan dipenuhi. Berdasarkan penajaran yang dilaksanakan, KN telah menetapkan bahawa pemegang kad yang aktif dalam masa dua (2) tahun sahaja yang layak untuk saringan kelulusan.

Selain itu, SPS telah ditambah baik kepada Skim Insurans Peduli Sihat bermula April 2020 yang mana pemegang kad akan memperolehi faedah asas insurans. Oleh itu, UPEN akan melaksanakan *Exit Policy* melalui Sijil Polisi yang akan menyatakan tempoh dan faedah yang bakal dinikmati oleh pemegang polisi secara terperinci.

Pengisian kuota SPS masih lagi berjalan memandangkan penajaran SPS masih lagi baharu sahaja dilaksanakan pada Mei 2019. UPEN telah mengeluarkan arahan

kepada semua PKM DUN untuk mengisi kuota sehingga Disember 2020 melalui surat rujukan 700-7/14 Jld.6 bertarikh 21 Januari 2020. Sekiranya tiada pengisian sehingga tarikh tersebut, maka kuota akan dipindahkan kepada DUN lain yang lebih memerlukan.

**Pendapat Audit** **Pencapaian pelaksanaan program SPS bagi tahun 2017 dan 2018 adalah baik di mana seramai 372,099 peserta telah layak pada akhir tahun 2018 berbanding 100,000 yang disasarkan. Bagaimanapun, selepas penajaran semula program SPS pada tahun 2019, hanya 59,296 (91.2%) keluarga mendapat manfaat berbanding 65,000 keluarga yang disasarkan.**

### 5.1.2. Penilaian *Outcome*


#### a. Penilaian Objektif Program SPS

- i. Program SPS diwujudkan bagi meringankan beban kos perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkatkan akses rawatan kesihatan dan perubatan daripada pihak swasta serta mengurangkan pergantungan terhadap hospital dan klinik Kerajaan untuk rawatan kesihatan dan perubatan.
- ii. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 menyatakan agensi hendaklah menyediakan penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan bagi mengukur keberkesanannya kepada golongan sasar. Penilaian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar sama ada program yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan atau pun sebaliknya. Penilaian perlu dilakukan dalam tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun selepas program dilaksanakan.
- iii. Semakan Audit mendapati **sehingga 31 Disember 2019, UPEN belum pernah melaksanakan penilaian *outcome* walaupun program telah dimulakan sejak tahun 2017**. Ini menyebabkan UPEN tidak dapat membuat pengukuran terhadap keberhasilan program SPS dan impak program kepada penerima manfaat SPS.
- iv. Bagaimanapun, bagi menilai pencapaian objektif program SPS, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 250 penerima manfaat melibatkan lima (5) PKM DUN yang dilawati. Sejumlah 242 (96.8%) daripada

250 borang soal selidik yang diedarkan telah dikembalikan semula. Analisis Audit terhadap maklum balas daripada 242 responden seperti dalam **Rajah 3 dan Carta 2**.




Sumber: Jabatan Audit Negara



Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Berdasarkan 242 borang soal selidik yang diterima, sebanyak 184 (76%) responden merupakan penerima manfaat bagi kategori keluarga manakala 58 (24%) adalah bagi kategori individu. Berdasarkan maklum balas yang diterima, 117 (48.3%) responden berpendapatan kurang daripada RM1,000, 51 (21.1%) berpendapatan antara RM1,001 hingga RM1,500, 24 (9.9%) berpendapatan antara RM1,501 hingga RM2,000 dan 13 (5.4%) memperoleh pendapatan antara RM2,001 hingga RM3,000. Baki sebanyak 37 (15.3%) responden tidak menyatakan jumlah pendapatan bulanan yang diterima.
- vi. Analisis Audit mendapati 77 (31.8%) responden sangat berpuas hati dan 122 (50.4%) responden berpuas hati bahawa nilai bantuan yang diberikan telah memenuhi sebahagian besar keperluan dalam membiayai kos


kesihatan. Baki 43 responden pula memberi penilaian memuaskan seperti dalam **Carta 3**.




Sumber: Jabatan Audit Negara

- vii. Selanjutnya, analisis Audit mendapati 232 (95.9%) daripada 242 responden telah mendapatkan perkhidmatan rawatan kesihatan di klinik swasta seperti **Carta 4. Ini menunjukkan program SPS dapat meningkatkan akses rawatan kesihatan dan perubatan daripada pihak swasta serta mengurangkan kebergantungan terhadap hospital dan klinik Kerajaan.** Bagaimanapun, 10 (4.1%) responden tidak pernah mendapatkan rawatan di klinik swasta walaupun mereka merupakan penerima manfaat yang aktif. Ini kerana mereka telah mendapatkan rawatan di klinik Kerajaan dan tiada keperluan untuk mendapatkan rawatan di kinik swasta. Selain itu, semakan Audit mendapati antara rawatan yang kerap diambil di klinik swasta adalah demam, batuk dan selesema; *upper respiratory tract infection* (URTI) dan gastrik seperti dalam **Graf 2.**

**CARTA 4**  
**PENGGUNAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DI KLINIK PANEL**



**GRAF 2**  
**JENIS RAWATAN YANG DIPEROLEH DI KLINIK PANEL**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**viii. Berdasarkan analisis yang dibuat, secara keseluruhannya responden berpendapat program SPS ini adalah memuaskan.**

Penerima manfaat juga berpendapat bahawa had gunaan perlu ditambah memandangkan kos yang tinggi untuk mendapatkan rawatan kesihatan serta diperluaskan kepada perkhidmatan pergigian.

**Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 12 Mei 2020**

UPEN tidak melaksanakan penilaian *outcome* sejak program ini dijalankan. Bagaimanapun penambahan dilakukan berdasarkan dasar-dasar terbaru KN serta aduan-aduan yang diterima. Salah satu faktor ketiadaan penilaian ini adalah disebabkan oleh perubahan dasar KN dalam pelaksanaan Program SPS. UPEN akan melaksanakan penilaian *outcome* sebelum tempoh lima (5) tahun berakhir, iaitu sebelum Disember 2021.

**b. Penilaian Tahap Kepuasan Klinik Panel**

- Pihak Audit juga telah mengedarkan borang soal selidik kepada 25 klinik panel yang menjadi sampel Audit bagi mengukur tahap kepuasan terhadap penyampaian perkhidmatan oleh pelaksana atau TPHA, iaitu Selcare. Berdasarkan analisis terhadap 25 borang soal selidik yang diperoleh,

23 (92%) daripada 25 klinik panel telah berdaftar sebagai klinik panel bermula pada tahun 2017. Manakala dua (2) (8%) klinik telah berdaftar sebagai panel masing-masing pada tahun 2018 dan 2019.

- ii. Penilaian dibuat terhadap tiga (3) perkara utama, iaitu penggunaan sistem, dokumentasi proses SPS dan pengurusan tuntutan oleh klinik panel seperti dalam **Carta 5. Hasil analisis mendapati 100% klinik panel berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Selcare** dalam pelaksanaan program SPS.

**CARTA 5**  
**TAHAP KEPUASAN KLINIK PANEL TERHADAP SELCARE**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pendapat Audit** | **Pencapaian program SPS tidak dapat diukur keberkesanannya kerana penilaian *outcome* tidak pernah dijalankan oleh UPEN sejak program diperkenalkan pada tahun 2017. Bagaimanapun, melalui maklum balas soal selidik Audit yang dijalankan, program SPS telah berjaya dimanfaatkan oleh kumpulan sasaran yang ditetapkan.**

## 5.2. Pengurusan Program SPS

### 5.2.1. Pengurusan Kewangan

- a. Bagi tujuan pelaksanaan program SPS, KN melalui belanjawan tahunan telah memperuntukkan geran sejumlah RM155 juta pada tahun 2017 hingga 2019 bagi membiayai program SPS. MMKN pada 14 Disember 2016 telah menyatakan geran tersebut akan disalurkan kepada Selcare sebanyak empat (4) kali setahun berdasarkan tuntutan pembayaran daripada klinik panel dengan menggunakan peruntukan vot Pembangunan Kesihatan.

- b. Semakan Audit mendapati sejak dari tahun 2017 sehingga 31 Disember 2019, Selcare telah menerima geran berjumlah RM82.72 juta (53.4%). Daripada keseluruhan RM155 juta yang diperuntukkan, sejumlah RM82.68 juta (99.9%) telah dibelanjakan bagi pembayaran tuntutan kepada klinik panel dengan peratus perbelanjaan tahunan antara 94.1% hingga 103.4% seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM SPS**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PENYALURAN GERAN (RM Juta)	PERBELANJAAN		BAKI GERAN (RM Juta)
			(RM Juta)	(%)	
2017	125*	12.05**	11.34	94.1	0.71
2018	20*	40.99**	42.39	103.4	(1.4)
2019	10	29.68	28.95	97.5	0.73
<b>JUMLAH</b>	<b>155</b>	<b>82.72</b>	<b>82.68</b>	<b>99.9</b>	<b>0.04</b>

Sumber: UPEN dan Selcare

Nota: \*- Peruntukan tahun 2017 dan 2018 berjumlah RM145 juta.

\*\*-Penyaluran geran tahun 2017 dan 2018 berjumlah RM53.04 juta

- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Penggunaan Geran Program SPS yang disediakan oleh Selcare mendapati berlaku defisit terhadap kewangan dan program SPS pada tahun 2018 walaupun Selcare telah mengemukakan tuntutan kepada UPEN. Hal ini berlaku disebabkan oleh tuntutan yang tinggi oleh klinik panel berikutan bilangan pemegang kad utama yang meningkat pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Semakan Audit mendapati penyaluran geran tidak dibuat selaras dengan arahan MMKN, iaitu empat (4) kali setahun tetapi dilaksanakan berdasarkan tuntutan oleh Selcare. Bagaimanapun, UPEN telah menyalurkan RM53.04 juta sebanyak 13 kali berbanding peruntukan sepatutnya disalurkan RM145 juta bagi tempoh tahun 2017 dan 2018.
- d. Selain itu, analisis Audit mendapati KN pada 24 Oktober 2017 telah meluluskan RM2.5 juta setahun bagi menampung kos operasi pelaksanaan program SPS oleh Selcare. Kos operasi yang disalurkan adalah bagi membiayai kos pengendalian sistem, kakitangan, elektrik, percetakan, telefon, komputer dan kenderaan.
- e. Semakan Audit terhadap kos operasi mendapati bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, geran sejumlah RM7.5 juta telah disalurkan oleh KN kepada Selcare. Bagi tempoh yang sama, Selcare juga telah memperoleh pendapatan melalui caj transaksi klinik panel berjumlah RM3.79 juta. **Semakan Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan bagi kos operasi Selcare telah melebihi peruntukan sebanyak 149.9%**. Bagaimanapun, kekurangan tersebut telah

dibiayai oleh sumber kewangan Selcare bagi melancarkan pelaksanaan program SPS. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KOS OPERASI PROGRAM SPS**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	PENDAPATAN			PERBELANJAAN		BAKI GERAN (RM Juta)
	PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI (RM Juta)	CAJ TRANSAKSI (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	PERATUS (%)	
2017	2.50	-	2.50	3.48	139.2	(0.98)
2018	2.50	2.00	4.50	6.49	144.2	(1.99)
2019	2.50	1.79	4.29	6.95	162.0	(2.66)
<b>JUMLAH</b>	<b>7.50</b>	<b>3.79</b>	<b>11.29</b>	<b>16.92</b>	<b>149.9</b>	<b>(5.63)</b>

Sumber: UPEN dan Selcare

### Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 12 Mei 2020

Berdasarkan keputusan MMKN ke-41 tahun 2016 bertarikh 14 Disember 2016, penyaluran yang diluluskan adalah sebanyak empat (4) kali setahun (setiap suku tahun). Namun demikian, Seksyen PBT UPEN turut mengambil kira kedudukan kewangan semasa KN dan perbelanjaan sebenar di Selcare Management Sdn. Bhd. Penyaluran dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar bagi menjamin kedudukan kewangan KN serta memudahkan pemantauan perbelanjaan.

Penyaluran peruntukan melebihi empat (4) kali juga disebabkan oleh kedudukan aliran tunai KN seperti tahun 2019, peruntukan yang diumumkan adalah sejumlah RM10 juta sahaja telah menyebabkan peruntukan baharu terpaksa dipohon. Kekurangan peruntukan ini menyebabkan berlakunya defisit dalam perbelanjaan SPS serta peruntukan disalurkan berdasarkan perbelanjaan sebenar tanpa mengikut sukuan tahun. Namun begitu, penyaluran keseluruhan tidak melebihi peruntukan yang diluluskan oleh KN.

**Pendapat | Pengurusan kewangan SPS kurang memuaskan kerana Audit berlakunya defisit terhadap transaksi aliran tunai program pada tahun 2018.**

### **5.2.2. Pentadbiran Kontrak**

#### **a. Kontrak Tidak Dimeterai antara Kerajaan Negeri dan TPHA**

- i. Arahan Perbendaharaan (AP) 176(i)(a) menyatakan suatu kontrak formal hendaklah disempurnakan oleh Pegawai Pengawal setelah berpuas hati bahawa syarat perolehan telah diputuskan dan dinyatakan dengan jelas.
- ii. Semakan Audit mendapati **kontrak formal tidak diwujudkan antara KN sebagai pembuat dasar dengan Selcare sebagai pelaksana (TPHA) semenjak SPS dilaksanakan pada tahun 2017**. Semakan Audit turut mendapati pelantikan Selcare dibuat secara lantikan terus melalui surat pengesahan pelaksanaan SPS bertarikh 11 November 2016 bagi membolehkan pihak syarikat menerima tanggungjawab sebagai TPHA secara rasmi.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati Selcare melalui surat bertarikh 30 Mei 2017 telah memohon supaya UPEN mengeluarkan satu (1) surat tawaran rasmi yang merangkumi skop dan tugas serta terma penting sebelum perjanjian dimuktamadkan. Selain itu, melalui surat yang sama juga Selcare telah mengemukakan draf perjanjian kepada UPEN untuk diputuskan. **Sehingga tarikh pengauditan pada 31 Januari 2020, kontrak tidak dimeterai bagi mengikat kedua-dua pihak.**
- iv. Kontrak yang tidak diwujudkan secara bertulis menyebabkan obligasi setiap pihak tidak dapat dinyatakan secara jelas dan tepat walaupun sejumlah RM82.72 juta telah disalurkan kepada Selcare. Selain itu, pihak yang berkontrak juga tidak memahami kewajipan dan hak masing-masing secara menyeluruh dengan ketiadaan kontrak bertulis.

#### **Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 12 Mei 2020**

Tiada kontrak perjanjian yang diwujudkan di antara KN dan Selcare sepanjang pelaksanaan SPS. Salah satu sebab ketiadaan perjanjian tersebut adalah status Selcare yang merupakan anak syarikat di bawah KN. Namun demikian, UPEN mengambil maklum kepentingan perjanjian tersebut dan telah merangka perjanjian untuk semakan Penasihat Undang-Undang melalui surat rujukan IPK.Sel. SPBT.700-7/14 Jld.6 (45) bertarikh 4 Mei 2020. Selain itu, perjanjian ini akan diperhalusi dan ditandatangani bagi menjamin kepentingan KN dan TPHA.

**Pendapat Audit** | **Pentadbiran kontrak tidak cekap kerana perjanjian tidak dimeterai oleh kedua-dua pihak berkontrak bagi menjelaskan obligasi masing-masing secara jelas.**

### 5.2.3. Proses Permohonan dan Kelulusan Kad SPS

#### a. Permohonan Lewat Diproses

- i. Berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Selcare mengenai permohonan dan kad keahlian SPS, setiap permohonan yang dibuat oleh pemohon sama ada secara manual atau atas talian akan dikemukakan kepada PKM DUN. Permohonan yang diterima akan diproses dan disahkan oleh PKM DUN sebelum dikemukakan kepada Selcare untuk kelulusan. SOP tersebut juga menyatakan tempoh masa dokumen permohonan diterima oleh Selcare sehingga kad diedarkan ke PKM DUN adalah selama enam (6) hari. Pihak Audit telah menjalankan semakan terhadap data permohonan yang belum disahkan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.
- ii. Semakan Audit mendapati tempoh enam (6) hari yang ditetapkan oleh Selcare bagi memproses permohonan tidak dapat ditentukan kerana ketiadaan pengesahan tarikh terima pada borang permohonan dan maklumat tarikh penghantaran kad SPS dari Selcare ke PKM DUN. Bagaimanapun, berdasarkan data dalam sistem Selcare, pihak Audit mendapati **berlaku kelewatan dalam memproses permohonan keahlian SPS yang diterima dari bulan Januari 2017 hingga Disember 2019 melibatkan 21,631 pemohon**. Jumlah tersebut melibatkan 18,250 permohonan dalam kategori status belum disahkan oleh PKM DUN dan 3,381 permohonan belum disahkan dan diluluskan oleh Selcare. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PERMOHONAN YANG LEWAT DIPROSES BAGI**  
**TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	STATUS		JUMLAH PERMOHONAN
	BELUM DISAHKAN OLEH PKM DUN	BELUM DISAH DAN DILULUSKAN OLEH SEL CARE	
2017	6,418	1,189	7,607
2018	7,586	507	8,093
2019	4,246	1,685	5,931
<b>JUMLAH</b>	<b>18,250</b>	<b>3,381</b>	<b>21,631</b>

Sumber: Selcare

**Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 12 Mei 2020**

UPEN memaklumkan, sekiranya permohonan dilakukan secara manual, terdapat dua (2) proses sebelum sesuatu permohonan diluluskan iaitu pemohon perlu menghantar borang permohonan ke PKM DUN untuk pengesahan dan seterusnya borang tersebut akan dihantar ke Selcare untuk pengaktifan. Terdapat kebarangkalian bahawa pergerakan borang ini untuk diaktifkan mengambil masa melebihi enam (6) hari.

Sistem portal yang tiada notifikasi apabila masuknya permohonan baharu menyebabkan tempoh enam (6) hari permohonan tidak dapat diukur. Bagaimanapun, terdapat PKM DUN yang mengambil inisiatif dengan memaklumkan sendiri kepada Selcare sekiranya terdapat permohonan baharu yang mereka kemukakan. Selcare juga menyemak secara berkala untuk sebarang permohonan baharu.

Selain itu, terdapat juga permohonan-permohonan yang diterima tidak lengkap dan menyebabkan proses permohonan mengambil masa yang lama. Permohonan baharu juga terhenti seketika ketika proses penajaran sedang dilaksanakan yang menyebabkan tempoh proses permohonan baharu melebihi enam (6) hari.

UPEN akan menyediakan SOP pelaksanaan SPS untuk diedarkan kepada Selcare dan PKM DUN. Perbincangan dengan Selcare juga akan diadakan bagi memastikan permohonan dilakukan secara atas talian sepenuhnya supaya proses kerja lebih telus dan tiada permohonan lewat diproses.

**Pendapat Audit** | **Proses permohonan SPS kurang cekap kerana 21,631 permohonan lewat diproses dan tidak mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Selcare.**

**b. Pemohon Tidak Memenuhi Syarat dan Kelayakan yang Ditetapkan**

**i. Sebelum Penajaran**

- Berdasarkan keputusan MMKN ke-41 yang diadakan pada 14 Disember 2016, syarat dan kriteria kelayakan pemohon untuk mendapatkan kad SPS adalah seperti dalam **Carta 6**.

**CARTA 6**  
**SYARAT DAN KRITERIA KELAYAKAN PERMOHONAN KAD SPS**



**SYARAT PERMOHONAN**

- pemohon hendaklah warganegara Malaysia;
- lahir atau bermastautin di Negeri Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun;
- berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai pengundi di Negeri Selangor; dan
- berpendapatan RM1,500 sebulan bagi individu dan RM3,000 dan ke bawah bagi keluarga.
- Syarat tambahan:
  - pemohon dan/atau pasangan tidak mempunyai klinik panel yang disediakan oleh majikan sahaja yang layak menerima manfaat SPS.

Sumber: UPEN

- Pihak Audit telah membuat semakan terhadap 750 borang permohonan program SPS bagi lima (5) PKM DUN, iaitu Batang Kali, Dengkil, Kajang, Kota Anggerik dan Sungai Panjang. Daripada 750 permohonan tersebut, sebanyak 151 (20.1%) permohonan telah diluluskan sebagai pemegang kad SPS dan berstatus aktif sehingga bulan Disember 2019.
- Semakan Audit terhadap 151 sampel permohonan yang telah diluluskan mendapati ada permohonan yang tidak memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:
  - **75 (49.7%) pemohon yang diluluskan kad SPS tidak lahir di Negeri Selangor dan tiada pengesahan pemastautin dikemukakan untuk mengesahkan telah**

**menetap sekurang-kurangnya 10 tahun di negeri**

**Selangor.** Analisis Audit mendapati DUN Kajang mencatatkan paling ramai pemegang kad yang lahir di luar negeri Selangor, iaitu seramai 27 (36%) diikuti oleh Dengkil dan Batang Kali masing-masing seramai 15 (20%) pemegang kad.

- **bagi kriteria had pendapatan, semakan Audit mendapati seramai 63 (41.7%) pemohon yang diluluskan tidak mengemukakan dokumen sokongan** seperti salinan slip gaji/pencen (untuk penjawat awam/bekerja sendiri) atau tiada pengesahan perakuan pendapatan daripada Ahli Parlimen/ADUN/Tok Penghulu/Ketua Kampung/Ketua Penduduk/Ketua Komuniti.
- Semakan Audit terhadap daftar pengundi mendapati **20 (13.2%)** daripada **151 pemohon yang diluluskan tidak berdaftar sebagai pengundi, manakala 10 (6.6%) penerima manfaat merupakan pengundi luar negeri Selangor.** Semakan Audit mendapati 10 pengundi luar tersebut merangkumi lima (5) pengundi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dua (2) di Johor dan satu (1) masing-masing dari Kelantan, Perak dan Negeri Sembilan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 9.**

**JADUAL 9**  
**PEMOHON YANG TIDAK PATUH SYARAT KELAYAKAN**

BIL.	PKM DUN	PENERIMA MANFAAT	TIDAK LAHIR DI NEGERI SELANGOR	TIDAK MENGEUKAKAN DOKUMEN SOKONGAN PENGESAHAN PENDAPATAN	BUKAN PENGUNDI BERDAFTAR	BUKAN PENGUNDI BERDAFTAR DI NEGERI SELANGOR
1.	Batang Kali	24	15	0	3	3
2.	Dengkil	49	15	37	10	2
3.	Kajang	45	27	4	5	5
4.	Kota Anggerik	23	13	18	2	0
5.	Sungai Panjang	10	5	4	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>151</b>	<b>75</b>	<b>63</b>	<b>20</b>	<b>10</b>

Sumber: PKM DUN/Laman web Suruhanjaya Pilihanraya

## ii. Selepas Penjajaran Semula

- Penjajaran SPS yang dilaksanakan pada bulan Mei 2019 telah mewujudkan sistem kuota yang mana hanya penerima kad SPS berdaftar dengan DUN yang sama layak menerima manfaat. Selain itu, syarat dan kriteria tambahan adalah pemohon merupakan pengundi di PKM DUN terlibat, penerima Bantuan Sara Hidup atau tersenarai sebagai golongan miskin tegar dalam pangkalan data eKasih serta berpendapatan RM2,000 dan ke bawah.
- Pihak Audit telah menyemak kelayakan 151 pemegang kad aktif sehingga tahun 2019 bagi menentukan sama ada syarat dan kriteria tambahan yang ditetapkan dipatuhi. Semakan Audit mendapati 28 (18.5%) pemegang kad aktif merupakan pengundi luar kawasan DUN berkenaan. Analisis Audit mendapati DUN Kajang memiliki pemegang kad aktif tertinggi yang bukan merupakan pengundi di DUN tersebut iaitu 16 (57.1%), diikuti oleh Kota Anggerik lima (5) atau (17.9%). Keadaan ini menyebabkan kuota bagi DUN berkenaan diberi kepada penerima manfaat yang bukan dalam DUN yang sama.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati **15 (9.9%) daripada 151 penerima manfaat yang diluluskan selepas penjajaran bukan penerima BSH serta tidak tersenarai sebagai golongan miskin tegar dalam pangkalan data eKasih**. Keadaan ini menyebabkan manfaat SPS diberi kepada penerima yang tidak layak dan memberi kesan kepada kuota bagi setiap DUN. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PENERIMA MANFAAT DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI LAIN**  
**DAN BUKAN PENERIMA BSH DAN eKASIH**

BIL.	PKM DUN	PENERIMA MANFAAT	PENGUNDI DI LUAR DUN BERKENAAN	BUKAN PENERIMA BSH DAN eKASIH
1.	Batang Kali	24	1	2
2.	Dengkil	49	4	8
3.	Kajang	45	16	3
4.	Kota Anggerik	23	5	2
5.	Sungai Panjang	10	2	-
<b>JUMLAH</b>		<b>151</b>	<b>28</b>	<b>15</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## **Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 12 Mei 2020**

Bermula Jun 2019, semakan semula penerima SPS telah dibuat pada setiap dua (2) tahun sekali bagi memastikan kesemua pemegang kad SPS memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan. Selain itu, semakan secara *ad-hoc* juga dilakukan berdasarkan aduan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan PKM DUN. Setiap aduan akan disiasat dengan terperinci bagi memastikan manfaat SPS diberikan kepada penerima yang disasarkan.

Selain itu, semasa proses penajaran dilakukan, berlaku persempadan semula kawasan mengundi yang dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Ini menyebabkan pengundi luar kawasan DUN tersebut telah memenuhi kuota DUN di kawasan lain.

Sebagai tindakan penambahbaikan, UPEN telah mensyaratkan dokumen yang akan dimuat naik ke portal [www.pedulisihat.com](http://www.pedulisihat.com) adalah berstatus wajib dan permohonan tidak boleh dihantar selagi pemohon tidak melengkapkan kesemua dokumen wajib. Ini akan memastikan pemohon mematuhi syarat-syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan sebelum permohonan diproses.

UPEN turut mensyaratkan dokumen pengesahan daftar pengundi melalui portal SPR sebagai salah satu dokumen baharu bagi Program SPS. Ini adalah bagi memastikan pemohon adalah pengundi mengikut DUN masing-masing dan sekaligus mengelakkan pengundi di luar Negeri Selangor menerima manfaat ini.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Kawalan pelaksanaan adalah lemah di mana pematuhan terhadap syarat dan kriteria yang ditetapkan bagi pemohon SPS tidak dipatuhi sepenuhnya. Ini telah menyebabkan bilangan peserta yang jauh melebihi sasaran dan penajaran semula terpaksa dijalankan. Keadaan ini boleh menjelaskan peluang pemohon yang layak untuk mendapat manfaat daripada program ini.</b>
-----------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

#### **5.2.4. Pelaksanaan Program**

##### **a. Kad Skim Peduli Sihat Belum Diagihkan**

- i. Setiap permohonan yang telah diluluskan akan menerima kad keahlian daripada Selcare. Berdasarkan SOP Selcare, kad yang telah dicetak perlu diserahkan kepada PKM DUN untuk diedarkan kepada penerima manfaat dalam tempoh enam (6) hari dari tarikh permohonan diterima oleh Selcare. Tempoh enam (6) hari tersebut merangkumi proses kelulusan di peringkat Selcare, percetakan, serahan kad kepada PKM DUN serta agihan kad kepada penerima manfaat. Kad yang telah siap dicetak akan dimasukkan ke dalam sampul yang mengandungi surat penghargaan dari Yang Amat Berhormat (YAB) Dato' Menteri Besar Selangor dan brosur SPS.
- ii. Pemeriksaan fizikal Audit telah dijalankan di lima (5) PKM DUN, iaitu Batang Kali, Dengkil, Kajang, Kota Anggerik dan Sungai Panjang serta Pejabat Selcare pada bulan November hingga Disember 2019. **Hasil pemeriksaan mendapati sebanyak 9,195 kad SPS tersimpan di Selcare dan belum diagihkan kepada PKM DUN (Gambar 1 dan Gambar 2)** manakala **1,190 kad SPS tersimpan di lima (5) PKM DUN dan belum diagihkan kepada pemohon yang diluluskan (Gambar 3 dan Gambar 4)**. Pihak Audit seterusnya telah mengemukakan surat pengesahan kepada 51 PKM DUN yang tidak termasuk dalam sampel Audit untuk mendapatkan maklumat mengenai jumlah keseluruhan kad SPS yang tidak diagihkan. Bagaimanapun, hanya 26 PKM DUN (51%) telah mengemukakan maklum balas manakala 25 PKM DUN (49%) yang lain tidak mengemukakan maklum balas.
- iii. Berdasarkan pengesahan yang diterima daripada 26 PKM DUN, didapati sebanyak 3,994 kad masih berada dalam simpanan dan belum diagihkan kepada penerima manfaat yang layak. Ini menjadikan jumlah kad SPS yang tidak diagihkan bagi 31 PKM DUN dan Selcare adalah 14,379 kad melibatkan kos percetakan berjumlah RM34,940. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**KAD SPS YANG BELUM DIAGIHKAN KEPADA PEMOHON YANG DILULUSKAN**

BIL.	PKM DUN	JUMLAH KAD SPS	KOS SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Batang Kali	214	2.43	520
2.	Dengkil	79		192
3.	Kajang	368		894
4.	Kota Anggerik	336		816
5.	Sungai Panjang	193		469
<b>JUMLAH 5 PKM DUN</b>		<b>1,190</b>		<b>2,892</b>
6.	26 PKM DUN	3,994		9,705
<b>JUMLAH 31 PKM (5 + 26 PKM DUN)</b>		<b>5,184</b>		<b>12,597</b>
7.	Selcare	9,195		22,344
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>14,379</b>		<b>34,940</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 1**



Tingkat 16, Selgate Corporation  
Kad SPS Belum Diagihkan  
(17.12.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



Bilik Mesyuarat, Selgate Corporation  
Kad SPS Belum Diagihkan  
(16.12.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



PKM DUN Sungai Panjang  
Kad SPS Belum Diagihkan  
(20.11.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



PKM DUN Kajang  
Kad SPS Belum Diagihkan  
(25.11.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Semakan Audit selanjutnya terhadap proses pengagihan kad SPS mendapati tiada tempoh masa ditetapkan bagi pejabat DUN untuk mengagihkan kad yang telah siap dicetak kepada pemohon yang diluluskan. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh masa agihan sepatutnya dibuat

kepada penerima kad kerana dokumen sokongan tidak lengkap seperti tiada Invois, Nota Penghantaran dan Borang Penerimaan Kad bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.

- v. Berdasarkan pengesahan yang diterima daripada 31 PKM DUN terhadap status 5,184 kad keahlian SPS yang tidak diagihkan, sebanyak 4,630 (89.3%) kad berstatus tidak aktif manakala 547 (10.6%) penerima manfaat berstatus aktif walaupun kad tidak diagihkan kerana mereka menggunakan kad pengenalan untuk mendapatkan rawatan di klinik panel. Ini berlaku kerana UPEN/Selcare tidak memantau pelaksanaan program. Selain itu, satu (1) kad berstatus disahkan dalam sistem manakala data bagi pemegang enam (6) kad lagi tidak ditemui dalam sistem Peduli Sihat.
- vi. Analisis Audit terhadap 60 sampel kad SPS yang berstatus aktif melalui sistem *secure.pedulishat.com* mendapati penerima yang diluluskan telah mendapatkan rawatan di klinik panel walaupun tidak memiliki kad SPS. Pihak Audit mendapati penerima tersebut telah mendapatkan perkhidmatan rawatan kesihatan antara 7% hingga 100% daripada had gunaan yang dibenarkan tanpa perlu mengemukakan kad SPS. Berdasarkan temu bual dengan pegawai Selcare dan klinik panel, pihak Audit dimaklumkan penerima yang diluluskan boleh mendapatkan rawatan dengan hanya menunjukkan kad pengenalan sahaja. Keadaan ini menunjukkan bahawa rawatan kesihatan di klinik panel boleh diperoleh walaupun tanpa kad keahlian SPS.
- vii. Keadaan di mana kad SPS tidak diagihkan ini berlaku disebabkan oleh maklumat pemohon SPS tidak lengkap seperti ketiadaan nombor telefon, pertukaran alamat dan data pemohon yang tidak dikemas kini menyukarkan PKM DUN untuk membuat agihan. **Kad yang belum diagih sebanyak 14,379 menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam berjumlah RM34,940 berdasarkan harga seunit untuk mencetak kad SPS sejumlah RM2.43.** Kos seunit meliputi kos percetakan, brosur, sampul surat dan surat penghargaan YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

### **Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 12 Mei 2020**

Antara punca berlakunya kad tidak diagihkan adalah disebabkan oleh pemohon tidak memasukkan maklumat yang lengkap seperti alamat dan nombor telefon. Ini berlaku kepada pemohon bagi kategori khas yang mana maklumat hanya diperoleh melalui Zakat Selangor. Pemohon juga tidak dapat dihubungi untuk mengambil kad

SPS kerana kekurangan maklumat. Namun begitu, bagi permohonan yang lulus, pemohon masih boleh mendapatkan rawatan dengan menggunakan nombor kad pengenalan masing-masing.

Selain itu, faktor perbezaan kawasan pentadbiran di kawasan DUN juga menyebabkan kad tidak dapat diagihkan serta di luar kawalan UPEN dan Selcare. Bagi kad yang dipulangkan semula kepada Selcare daripada PKM DUN, kebanyakannya kad tidak diagihkan atas sebab penerima tidak hadir untuk menuntut kad tersebut, serta PKM DUN/Selcare tidak dapat menghubungi penerima untuk mengambil kad.

Selanjutnya, semasa proses penajaran dilaksanakan, pengagihan kad juga telah dihentikan memandangkan senarai penerima akan dikurangkan kepada 65,000 orang sahaja.

**Pendapat Audit** | **Proses pengagihan kad kepada pemohon SPS kurang cekap kerana sebanyak 14,379 kad tidak diagihkan menyebabkan pembaziran wang awam sejumlah RM34,940. Selain itu, ketiadaan prosedur operasi standard mengenai pengurusan dokumentasi kad SPS menyebabkan lambakan kad di PKM DUN dan Selcare.**

## b. Pemantauan Pelaksanaan Program

- i. Pemantauan yang dirancang dan dilaksanakan dengan berkala di setiap peringkat secara tidak langsung dapat membantu UPEN menjalankan aktiviti pemantauan dengan berkesan. Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif dapat memastikan sebarang masalah boleh diatasi bagi melancarkan perjalanan semua aktiviti berkaitan program untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.
- ii. Semakan Audit mendapati **tiada penetapan yang jelas mengenai kaedah pemantauan program SPS yang perlu dilaksanakan oleh UPEN selaku pembuat dasar untuk memantau pelaksanaan di peringkat Selcare dan PKM DUN**. Bagaimanapun, Selcare selaku TPHA telah mengemukakan laporan pelaksanaan SPS secara bulanan, sukuan dan tahunan kepada UPEN bagi menyatakan pencapaian program SPS.

## **Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 12 Mei 2020**

Sebagai langkah penambahbaikan, UPEN akan mengambil langkah yang lebih proaktif seperti lawatan mengejut yang lebih kerap ke PKM DUN, klinik panel dan Selcare Management Sdn. Bhd. untuk memantau pelaksanaan program dengan lebih dekat. UPEN juga telah melaksanakan mekanisme pemantauan awal dengan melakukan mesyuarat bulanan bersama Selcare bagi pembentangan status dan masalah pelaksanaan program. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 11 Jun 2019 melalui surat IPK.SEL.SPBT 700-7/5 Jld. 8 (26). Mesyuarat ini akan diadakan setiap bulan bagi memantau pelaksanaan program.

**Pendapat Audit** | Pemantauan program SPS kurang berkesan kerana tiada penetapan yang jelas mengenai kaedah pelaksanaan yang dibuat.

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Selepas dua (2) tahun pelaksanaan program SPS, seramai 372,099 keluarga telah diluluskan pemberian kad SPS. Bagaimanapun pada tahun 2019, seramai 59,296 keluarga telah menerima manfaat SPS selepas penjajaran semula dilaksanakan dengan memperketatkan syarat dan kriteria kelayakan. Namun begitu, objektif program secara umumnya telah dicapai berdasarkan soal selidik audit terhadap penerima manfaat yang berpendapat skim ini dapat meringankan beban perbelanjaan penjagaan kesihatan. Pengurusan program pula belum mencapai tahap kecekapan optimum kerana masih terdapat kelemahan seperti kriteria kelayakan dan pelaksanaan pemilihan peserta kurang rapi, kawalan kad SPS secara fizikal kurang memuaskan serta pemantauan terhadap klinik panel bagi penggunaan kad pengenalan untuk mendapatkan rawatan tidak memuaskan.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan program SPS pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan pihak terlibat mempertimbangkan perkara berikut:

- 7.1. UPEN perlu memastikan kontrak dimeterai antara KN dan TPHA bagi menjelaskan obligasi setiap pihak secara jelas dan tepat;

- 7.2. Selcare perlu memastikan tempoh pengagihan kad di peringkat PKM DUN dibuat berdasarkan SOP yang disediakan;
- 7.3. UPEN dan Selcare perlu mengkaji semula keperluan penggunaan kad keahlian SPS;
- 7.4. UPEN perlu mewujudkan SOP di peringkat PKM DUN yang meliputi penyelenggaraan rekod dan dokumen; dan
- 7.5. UPEN perlu menetap dan melaksanakan mekanisme pemantauan yang berkesan terhadap pelaksanaan program SPS oleh Selcare.





# **KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**2. YAYASAN SELANGOR**



## **KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

### **YAYASAN SELANGOR**

#### **Perkara Utama**

##### **Apa yang diaudit?**

- Pengaudit melibatkan tiga (3) aspek penilaian iaitu penilaian terhadap aspek tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2017 hingga bulan Februari 2020 serta penilaian terhadap aspek kedudukan kewangan yang meliputi analisis penyata kewangan beraudit Yayasan Selangor (YS) tahun 2016, 2017 dan 2018.
- Bagi amalan tadbir urus korporat, penilaian dijalankan terhadap 10 aspek iaitu Pengurus, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), *Standard Operating Procedure* (SOP), Pelan Perancangan Strategik, Jawatankuasa Audit (JKA), Audit Dalaman, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pencalonan.
- Bagi pengurusan aktiviti, penilaian dibuat terhadap dua (2) bidang utama iaitu prestasi dan pelaksanaan program serta aktiviti. Terdapat dua (2) program dan satu (1) aktiviti syarikat telah diaudit, iaitu pengurusan pengambilan pelajar Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS), pembiayaan pinjaman pelajaran dan pengurusan sewaan hartaanah.

##### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Untuk menentukan sama ada objektif penubuhan YS melalui pengurusan aktiviti utamanya iaitu program RKPYS, program pembiayaan pinjaman pelajaran dan pengurusan aktiviti sewaan hartaanah telah dijalankan dengan cekap, berkesan dan berhemat; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

## **Apa yang ditemui Audit?**

### **Tadbir Urus Korporat**

- Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) YS dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Dan Pembangunan Insan.
- Daftar Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak dikemas kini.
- Piagam Lembaga Pemegang Amanah tidak didokumentasikan secara sistematik dan akses ALPA kepada program pembelajaran berterusan tidak disediakan.
- Tiada kelulusan kadar eluan kehadiran mesyuarat daripada Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Setiausaha Syarikat tidak menjalankan peranan dengan berkesan dalam menasihati ALPA.
- SOP dan Pelan Perancangan Strategik bagi tahun 2017 hingga 2021 tidak mendapat kelulusan ALPA.
- Prestasi pencapaian Pelan Perancangan Strategik bagi tahun 2016 hingga 2019 tidak dibentangkan dalam mesyuarat ALPA.
- JKA bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 tidak bermesyuarat mengikut ketetapan.
- Laporan JKA bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 tidak dibentangkan dalam mesyuarat ALPA.

### **Pengurusan Aktiviti**

- Prestasi output pengambilan pelajar bagi program RKPYS hanya mencapai antara 44.2% hingga 57.8% berbanding sasaran. Bagi prestasi output program pembiayaan pinjaman pelajaran pula telah mencapai sasaran pembiayaan sebanyak 80% bagi tempoh dua (2) tahun berturut-turut.
- Prestasi *outcome* bagi program RKPYS merangkumi pencapaian akademik dan kemudahan asrama. Bagi pencapaian akademik, sasaran 60% pelajar RKPYS mendapat keputusan 5A dan ke atas dalam peperiksaan SPM telah tercapai bagi tahun 2018 dan 2019 tetapi tidak tercapai bagi tahun 2017. Kemudahan dan kebersihan asrama pula adalah memuaskan.

- Program dan aktiviti di YS telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur kecuali bagi pelaksanaan program RKPYS dan pengurusan sewaan harta tanah seperti berikut:
  - sebanyak 65 permohonan program RKPYS yang berjaya pada tahun 2017 hingga 2019 tidak mematuhi syarat kelayakan yang ditetapkan;
  - sejumlah RM1,950 terlebih bayar kepada 10 penerima bantuan;
  - lima (5) pelajar yang tidak memenuhi kriteria pemberian bantuan YS menerima bantuan; dan
  - kontraktor Pemegang Konsesi projek pembangunan semula bangunan YS di Bukit Bintang tidak mematuhi klausa kontrak perjanjian mengenai bayaran yang perlu dibuat sebaik sahaja perjanjian konsesi ditandatangani.

### **Kedudukan Kewangan**

- Kedudukan kewangan YS tidak dapat dinilai kerana Penyata Kewangan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 masih belum selesai diaudit oleh Juruaudit Luar.



# KERAJAAN NEGERI SELANGOR

## 2. YAYASAN SELANGOR

FAKTA UTAMA		
SEJARAH PENUBUHAN	OBJEKTIF UTAMA	AKTIVITI UTAMA
<ul style="list-style-type: none"><li>Ditubuhkan pada 5 November 1970</li><li>Syarikat Berhad Menurut Jaminan (<i>Company Limited By Guarantee</i>) tanpa modal saham</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Memberi galakan dan pembiayaan pendidikan kepada rakyat negeri Selangor khasnya kepada mereka yang kurang berkemampuan tetapi berpotensi</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Program Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Yayasan Selangor dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia</li><li>Program pembiayaan pinjaman pelajaran</li><li>Sewaan hartaanah Yayasan Selangor</li></ul>

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Yayasan Selangor (YS) telah ditubuhkan pada 5 November 1970 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (*Company Limited By Guarantee*). YS adalah sebuah syarikat Kerajaan negeri yang ditubuhkan untuk membantu Kerajaan negeri dalam pembangunan pendidikan di negeri Selangor.

1.2. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, objektif penubuhan YS adalah untuk memberi galakan, pembiayaan pendidikan dan pelajaran kepada rakyat negeri Selangor khasnya kepada mereka yang kurang berkemampuan tetapi berpotensi. Sehingga kini, YS terus konsisten mengekalkan tradisinya membangunkan sumber manusia di negeri Selangor melalui program pendidikan anjurannya.

1.3. Aktiviti utama YS ialah program pendidikan, pembiayaan pinjaman pelajaran dan pengurusan hartaanah. Program utama di bawah perkhidmatan pendidikan adalah Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peruntukan berjumlah RM19.2 juta telah dibelanjakan oleh YS untuk program RKPYS dan program pembiayaan pinjaman pelajaran berjumlah RM14.42 juta bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Sehingga bulan Februari 2020, YS mengendalikan hartaanah yang terdiri daripada premis, tanah, kem dan asrama dengan nilai pasaran berjumlah RM701 juta sebagai sumber utama bagi membiayai program pendidikan yang dilaksanakan oleh YS. Model perkhidmatan YS pula adalah seperti **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**MODEL PERKHIDMATAN YAYASAN SELANGOR**



Sumber: Bahagian Komunikasi

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai pencapaian objektif penubuhan YS melalui pengurusan aktiviti utamanya iaitu program RKPYS, program pembiayaan pinjaman pelajaran dan pengurusan aktiviti sewaan harta tanah telah dijalankan dengan cekap, berkesan dan berhemat; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

## 3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan 10 aspek tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh tahun 2017 hingga bulan Februari 2020. Bagi pengurusan program dan aktiviti utama, pengauditan diselaraskan terhadap program RKPYS, program pembiayaan pinjaman pelajaran dan aktiviti pengurusan sewaan harta tanah YS bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Bagi aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit YS bagi tahun 2016, 2017 dan 2018.

3.2. Dua (2) bidang utama yang dinilai bagi pengauditan pengurusan program dan aktiviti adalah prestasi dan pelaksanaannya. Bagi prestasi program dan aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Perkara yang

dinilai dalam pelaksanaan program dan aktiviti adalah meliputi pengurusan program RKPYS; pengurusan program pembiayaan pinjaman pelajaran dan pengurusan sewaan hartanah YS.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di Menara YS, Petaling Jaya manakala pemeriksaan fizikal telah dijalankan di Asrama YS Sabak Bernam pada 3 Mac 2020. Sebanyak 5% sampel telah dipilih bagi program RKPYS dan program pembiayaan pinjaman pelajaran manakala sebanyak 10 fail pengurusan sewaan hartanah telah disemak.

#### **4. METODOLOGI PENG AUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan YS selain menganalisis data berkaitan. Bagi kedudukan kewangan pula, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit. Penilaian penyata kewangan adalah melibatkan analisis *trend* pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis *trend* aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

#### **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan antara bulan November 2019 hingga bulan Mac 2020. Perkara yang ditemui dan maklum balas YS telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) pada 17 Jun 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:


##### **5.1. Tadbir Urus Korporat**

5.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor, syarikat perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A) Perlembagaan Syarikat, *Standard Operating Procedures* (SOP) serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan negeri dari semasa ke semasa. Selain itu antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) 2017, *The Green Book – Enhancing Board Effectiveness* April

2006 dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*].

5.1.2. Pengurusan YS diketuai oleh KPE. Bilangan perjawatan sehingga 21 Januari 2020 adalah seramai 180 orang pegawai dan kakitangan. Tiga (3) bahagian utama adalah Bahagian Pendidikan, Bahagian Perkhidmatan Sokongan Dan Bahagian Harta. Struktur organisasi YS adalah seperti dalam **Carta 2** dan peranan setiap bahagian adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**CARTA 2**  
**CARTA ORGANISASI YAYASAN SELANGOR PADA 21 JANUARI 2020**



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, YS

**JADUAL 1**  
**PERANAN BAHAGIAN DI YAYASAN SELANGOR**

NAMA BAHAGIAN	FUNGSI	PERANAN
Bahagian Pendidikan	Mengurus tadbir hal ehwal bahagian di bawah seliaan Pendidikan: - Bahagian Hal Ehwal Pelajar - Bahagian Pembiayaan Pendidikan - Asrama Klang - Asrama Sabak Bernam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang, mengurus dan melaksanakan keseluruhan operasi pendidikan Yayasan Selangor melibatkan pengurusan asrama, pembiayaan pendidikan, pemberian biasiswa serta aktiviti pendidikan dan sosial di antara Yayasan Selangor, pelajar, sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kerajaan Negeri Selangor.</li> </ul>
Bahagian Perkhidmatan Sokongan	Mengurus tadbir hal ehwal bahagian di bawah seliaan Khidmat Sokongan: - Bahagian Pentadbiran - Bahagian Sumber Manusia & IT - Bahagian Perolehan - Bahagian Kewangan - Bahagian Komunikasi - Bahagian Undang-undang & Setiausaha Syarikat - Unit Perkhidmatan Kualiti - Kem Bina Semangat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang, mengurus dan memastikan keseluruhan operasi pentadbiran dan khidmat perundangan berkaitan syarikat dilaksanakan berdasarkan kepentingan perkhidmatan di Yayasan Selangor.</li> <li>Merancang dan mempastikan pengurusan sumber manusia diurustadbir berdasarkan skim-skim Perkhidmatan Yayasan Selangor dan pembangunan sumber manusia dilaksanakan secara menyeluruh dan efektif.</li> <li>Merancang, memantau dan memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan berpandukan prosedur yang betul dan memenuhi tatacara kewangan serta arahan perbendaharaan dengan telus dan berintegriti.</li> <li>Merancang, memantau dan memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan berpandukan prosedur yang betul dan memenuhi tatacara kewangan yang ditetapkan.</li> </ul>
Bahagian Harta	Mengurus tadbir hal ehwal bahagian di bawah seliaan Harta : - Bahagian Pembangunan Harta - Bahagian Pengurusan Harta - Unit Pengurusan Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencari punca dan sumber kewangan Yayasan Selangor melalui aktiviti-aktiviti pembangunan dan pengurusan harta untuk memantapkan kedudukan organisasi, membantu menanggung perbelanjaan operasi bagi membiayai serta melaksanakan segala aktiviti pendidikan yang menjadi teras penubuhan Yayasan Selangor.</li> <li>Merancang, mengurus dan melaksanakan keseluruhan operasi pembangunan harta dan tanah, keperluan fasiliti bangunan-bangunan di Yayasan Selangor dan aktiviti kutipan sejaan, aktiviti penyewaan aset Yayasan Selangor.</li> <li>Merancang, mengurus dan memastikan aktiviti penyelenggaraan bangunan dilaksanakan dengan sistematik dan kos yang minima tanpa mengabaikan terma dan syarat-syarat pengurusan bangunan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa (Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, dan Pihak berkuasa tempatan).</li> </ul>

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, YS

5.1.3. Sehingga 21 Januari 2020, YS mempunyai seramai enam (6) ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) termasuk seorang Pengerusi yang kesemuanya mewakili sektor kerajaan. Komposisi ALPA terdiri daripada lima (5) pengarah berstatus bebas manakala seorang lagi berstatus bukan bebas.

5.1.4. Semakan Audit mendapati YS telah mengamalkan empat (4) daripada 10 aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu aspek KPE, Audit Dalaman, Jawatankuasa Pencalonan Dan Jawatankuasa Imbuhan. Bagaimanapun, enam (6) amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain didapati tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Perancangan Strategik dan JKA. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh YS adalah seperti penemuan Audit berikut:

**a. Pengerusi**

- i. MKD *Handbook* perenggan 2.2(d) menyatakan Pengerusi hendaklah tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat. Semakan Audit mendapati **Pengerusi ALPA YS telah dilantik menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Dan Pembangunan Insan pada 19 Jun 2018.**
- ii. Pihak Audit dimaklumkan bahawa secara amalannya lantikan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Pembangunan Insan di YS adalah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Tetap Pendidikan dan Pembangunan Insan Kerajaan Negeri Selangor.

**Maklum Balas YS yang diterima pada 30 Oktober 2020**

Mesyuarat ALPA bertarikh 7 Oktober 2020 telah bersetuju dan meluluskan pelantikan Pengerusi ALPA sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Dan Pembangunan Insan. Pelantikan beliau adalah telus dan tiada konflik kepentingan selain memberi kelebihan dan manfaat kepada program pendidikan YS.

**Pendapat | Pelantikan Pengerusi ALPA YS sebagai Pengerusi Audit | jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat tidak mematuhi tadbir urus yang baik.**

## b. Lembaga Pengarah

- i. Seksyen 57(4) Akta Syarikat 2016 menetapkan jika terdapat pertukaran butir-butir mengenai Lembaga Pengarah, Pengurus atau Setiausaha hendaklah menguatkuasakan pertukaran tersebut dengan mengemaskini Daftar Lembaga Pengarah melalui Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam tempoh 14 hari. MCCG 2017 Amalan 2.1, Panduan 2.1, Lembaga Pengarah menetapkan Piagam Lembaga Pengarah hendaklah diwujudkan. Seksyen 213 Akta Syarikat 2016 pula menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Manakala *Green Book* perenggan 1.4.4 pula menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat.
- ii. Semakan Audit mendapati **maklumat Lembaga Pemegang Amanah yang terkini masih belum dikemas kini dengan Pendaftar SSM**. Semakan Audit selanjutnya mendapati **Piagam Lembaga Pemegang Amanah tidak didokumentasikan secara sistematis. Selain itu, ALPA juga tiada akses kepada program pembelajaran yang berkaitan dalam pembangunan perniagaan kerana tidak maklum berkenaan keperluan ini**.
- iii. *Guidelines on Company Limited By Guarantee* (CLBG) perenggan 20(b) menetapkan CLBG dilarang membayar apa-apa fi, gaji, elaun tetap atau apa-apa manfaat kepada pengarahnnya kecuali telah mendapat kelulusan daripada Pendaftar SSM. Seksyen 230 (1)(a), (b) dan (2), Akta Syarikat 2016 pula menetapkan fi dan apa-apa faedah yang dibayar kepada Pengarah hendaklah diluluskan pada mesyuarat agung. Syarat pembayaran bagi elaun Lembaga Pengarah, elaun kehadiran mesyuarat dan elaun-elaun lain juga hendaklah dipatuhi.
- iv. Semakan Audit mendapati **YS sebagai CLBG telah memberikan elaun kehadiran mesyuarat kepada tiga (3) hingga lima (5) ALPA YS bagi tahun 2016 hingga 2019 berjumlah RM11,100 seperti dalam Jadual 2 tanpa kelulusan daripada Pendaftar SSM**.

**JADUAL 2**  
**PEMBERIAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT ALPA**

BILANGAN & TARikh MESYUARAT ALPA	JUMLAH KEHADIRAN & ELAUN MESYUARAT (RM)			BIL. ALPA	JUMLAH ELAUN YANG DITERIMA (RM)
	PENGURUSI	AHLI			
1/2016 01.03.2016	1,000 X 1	700 X 1	500 X 2	4	2,700
1/2018 08.01.2018	1,000 X 1	700 X 1	500 X 3	5	3,200
2/2018 26.09.2018	1,000 X 1	700 X 1	500 X 1	3	2,200
1/2019 14.02.2019	1,000 X 1	500 X 4		5	3,000
<b>JUMLAH</b>				<b>11,100</b>	

Sumber Bahagian Kewangan YS

- v. Kesan daripada maklumat butir pelantikan ALPA masih belum didaftarkan dengan Pendaftar SSM menyebabkan keputusan yang dibuat oleh ALPA boleh diragui dan dicabar. Begitu juga, ketiadaan Piagam Lembaga Pemegang Amanah dan program pembelajaran berterusan kepada ALPA juga menjadi faktor ALPA tidak menjalankan peranan dengan sewajarnya bagi memastikan penyata kewangan YS disediakan dan diaudit dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, elaun yang dibayar tanpa kelulusan Pendaftar SSM menyebabkan peruntukan wang YS digunakan dengan tidak sepatutnya.

**Maklum Balas YS yang diterima pada 24 Jun dan 30 Oktober 2020**

Piagam Lembaga Pemegang Amanah YS telah diluluskan dalam Mesyuarat ALPA pada 7 Oktober 2020. Program pembelajaran kepada ALPA akan diselaraskan dengan kerjasama Kerajaan negeri manakala ketetapan kadar baharu elaun kehadiran mesyuarat telah diluluskan dalam Mesyuarat ALPA Kali ke 111 Bil. 02/2019 pada 19 Disember 2019 dan akan dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Ketiadaan Piagam Lembaga Pemegang Amanah dan program pembelajaran berterusan boleh menyebabkan tadbir urus korporat syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Selain itu, perbelanjaan yang dibuat tanpa kelulusan merugikan YS.</b>
---------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

### c. Setiausaha Syarikat

- i. Menurut Akta Syarikat 2016 Perenggan 236, Lembaga Pengarah hendaklah melantik seorang Setiausaha Syarikat yang berperanan untuk membimbing, memberi panduan dan nasihat berkaitan peraturan serta peruntukan yang termaktub bagi sesuatu syarikat kepada ahli Lembaga Pengarah. Berdasarkan Kod Etika Setiausaha Syarikat yang dikeluarkan oleh SSM Perkara D – Kod Kelakuan No. 10 menetapkan Setiausaha Syarikat perlu membantu dan menasihati pengarah bagi memastikan syarikat menyenggara suatu sistem kawalan dalaman yang berkesan bagi menyimpan daftar dan rekod perakaunan yang sepatutnya.
- ii. Semakan Audit mendapati YS telah melantik Pengurus Kewangan YS yang mempunyai sijil Setiausaha Syarikat sebagai Setiausaha Syarikat pada 4 November 2011. **Bagaimanapun, peranan beliau sebagai Setiausaha Syarikat tidak dijalankan dengan berkesan dalam menasihati ALPA. Hal ini berkaitan penyediaan Piagam Lembaga Pemegang Amanah, pengurusan mesyuarat Jawatankuasa Audit, penyediaan program pembelajaran kepada ALPA dan penggunaan SOP YS. Selain itu, pemantauan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan tiada perbincangan diadakan berkaitan Jawatankuasa Audit YS dalam mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah turut tidak dilaksanakan oleh Setiausaha Syarikat.**
- iii. Temu bual dengan Setiausaha Syarikat YS memaklumkan beliau tidak dapat menjalankan peranan dengan sewajarnya kerana kekangan tugas hakiki sebagai Pengurus Kewangan YS.

### Maklum Balas YS yang diterima pada 24 Jun dan 30 Oktober 2020

YS telah melantik Setiausaha Syarikat yang baharu berkuatkuasa 1 Jun 2020 untuk memastikan peranan Setiausaha Syarikat lebih berkesan dalam memastikan proses dan prosedur syarikat dapat dilaksanakan dengan sewajarnya. Selain itu, Mesyuarat ALPA bertarikh 7 Oktober 2020 telah bersetuju untuk menjalankan siasatan dalaman terhadap pihak pengurusan YS terdahulu serta mantan Setiausaha Syarikat di atas kegagalan menjalankan tanggungjawab.

**Pendapat Audit** | **Setiausaha Syarikat yang dilantik tidak menjalankan peranan dan tanggungjawab sepenuhnya dalam menasihati ALPA bagi memastikan tadbir urus korporat syarikat dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.**

**d. Standard Operating Procedures**

- i. MKD *Handbook* perenggan 1.9(c), 2.2(f), 3.25 hingga 3.28 menyatakan syarikat perlu mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati **SOP yang diguna pakai berkuatkuasa 1 Januari 2018 hanya disahkan di peringkat Pemangku mantan KPE dan tidak mendapat kelulusan di peringkat Lembaga Pemegang Amanah.** SOP yang diguna pakai tanpa perbincangan yang mendalam di peringkat mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah boleh memberi kesan kepada proses kerja yang tidak teratur. Aspek kawalan dalaman syarikat boleh diragui apabila SOP yang digunakan tidak melalui perbincangan lanjut dan kelulusan ALPA.

**Maklum Balas YS yang diterima pada 30 Oktober 2020**

Mesyuarat ALPA YS yang diadakan pada 7 Oktober 2020 telah bersetuju dan meluluskan sebanyak 157 SOP yang digunakan di YS. Mesyuarat juga telah menurunkan kuasa kepada KPE untuk mengesahkan dokumen SOP YS.

**Pendapat Audit** | **Kawalan dalaman dan proses kerja syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan tanpa SOP yang diluluskan oleh ALPA.**

**e. Pelan Perancangan Strategik**

- i. MCGG 2017 amalan 1.1, panduan 1.1 dan MKD *Handbook* perenggan 3.33 hingga 3.35 menyatakan sasaran dan pencapaian KPI hendaklah disediakan, diluluskan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah. *Green Book* Bahagian 1, perenggan 3.2 dan MKD *Handbook* perenggan 3.33 hingga 3.35 menetapkan

sasaran dan pencapaian KPI hendaklah disediakan, diluluskan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.

- ii. YS telah menyediakan Pelan Perancangan Strategik YS tahun 2017 hingga 2021 yang dirangka berdasarkan visi YS iaitu 'Menyediakan Prasarana Pendidikan yang Efektif Dalam Membentuk Generasi Insan Kamil' dan misi YS iaitu 'Merakyatkan Pendidikan Selangor'. Semakan Audit mendapati **tiada bukti Pelan Perancangan Strategik YS tahun 2017 hingga 2021 diluluskan di peringkat Lembaga Pemegang Amanah. Selain itu, tiada bukti prestasi dan kedudukan terkini Pelan Perancangan Strategik bagi tahun 2017 hingga 2019 dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah** bagi tujuan pemantauan prestasi dan pencapaian syarikat.
- iii. Pelan Perancangan Strategik yang tidak diluluskan dan prestasi pencapaian terkini tidak dilaporkan dalam Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah menyebabkan ALPA tidak dapat memantau KPI YS.

#### **Maklum Balas YS yang diterima pada 19 Mei dan 24 Jun 2020**

YS tidak mempunyai KPE yang tetap bagi tempoh bulan April 2016 sehingga tahun 2018. Oleh itu, pengurusan YS adalah berdasarkan operasi sedia ada dan Pelan Perancangan Strategik hanya digunakan sebagai panduan. Pelan Tindakan Strategik YS bagi tahun 2020 telah dibentangkan oleh KPE dan diluluskan semasa Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Kali ke-111 Bil. 2/2019 pada 19 Disember 2019 dan dilaporkan secara berkala kepada ALPA.

**Pendapat Audit** | **Perancangan Strategik yang tidak diluluskan dan prestasi pelan tidak dibentangkan secara berkala dalam mesyuarat ALPA menyebabkan ALPA tidak dapat memberikan pandangan dan nasihat mengenai prestasi dan hala tuju syarikat.**

#### f. Jawatankuasa Audit

- i. YS menetapkan JKA hendaklah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali setahun pada tahun 2017 dan 2018 manakala tiga (3) kali setahun pada tahun 2019. *Green Book Appendix 3* menetapkan Laporan JKA hendaklah dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, *Chartered Institute of Internal Auditors, What Every Director Should Know – How To Get The Most From Your Internal Audit*, muka surat 5 menetapkan JKA hendaklah mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalam sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati **mesyuarat JKA YS bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 tidak dilaksanakan mengikut perancangan**. Butirannya adalah seperti dalam Jadual 3. Selain itu, **laporan JKA bagi tempoh yang sama tidak dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah dan JKA tidak mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalam tanpa kehadiran pengurusan syarikat**.

**JADUAL 3  
MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT**

TAHUN	TARIKH MESYUARAT				MENGIKUT PERANCANGAN YA (/) / TIDAK (X)
	BIL. 1	BIL. 2	BIL. 3	BIL. 4	
2017	23.01.2017		Tidak Bermesyuarat		X
2018	20.02.2018	02.11.2018		Tidak Bermesyuarat	X
2019	24.06.2019	26.11.2019	Tidak Bermesyuarat	Tidak Berkenaan	X

Sumber: Minit Mesyuarat JKA

- iii. Kesan daripada mesyuarat JKA tidak dilaksanakan mengikut perancangan boleh menyebabkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Audit Dalam seperti pindaan resit rasmi, deposit sewa tidak dibayar kepada YS dan perkara-perkara lain tidak diambil perhatian dan berulang pada masa hadapan. Selain itu, mesyuarat JKA yang tidak diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan menyebabkan masalah berkaitan penyediaan dan pengauditan Penyata Kewangan YS tidak dapat dibincangkan dan diambil perhatian sewajarnya.

## **Maklum Balas YS yang diterima pada 24 Jun dan 30 Oktober 2020**

Mesyuarat JKA tidak dapat dilaksanakan mengikut agenda kerana terdapat penangguhan dan pembatalan daripada Pengurus JKA pada tahun berkenaan. Mesyuarat JKA pada 26 November 2019 telah bersetuju untuk meluaskan fungsi dan peranan JKA kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPRYS) serta Unit Audit Dalam dan Integriti melapor terus ke JPRYS bagi memastikan laporan yang disediakan adalah telus dan bebas.

**Pendapat | Peranan Jawatankuasa Audit dalam menilai kualiti dalaman Audit dan aktiviti syarikat adalah kurang berkesan.**

### **5.2. Pengurusan Aktiviti**

Aktiviti utama YS ialah menyediakan perkhidmatan pendidikan melalui program RKPYS, pembiayaan pinjaman pelajaran dan pengurusan harta tanah. Program RKPYS ialah program pendidikan sekolah menengah yang memberi manfaat kepada pelajar terpilih untuk diberikan kemudahan biasiswa, kemudahan asrama, program peningkatan akademik dan lain-lain insentif. Program pembiayaan pinjaman pelajaran pula ialah bantuan pinjaman yang diberikan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi secara sepenuh masa. Manakala, pengurusan harta tanah yang meliputi hasil sewaan, pendapatan usahasama dan projek pembangunan merupakan sumber utama bagi membiayai perkhidmatan pendidikan yang dilaksanakan oleh YS.

#### **5.2.1. Prestasi Aktiviti**

##### **a. Pencapaian Output**

###### **i. Program RKPYS - Pengurusan Pengambilan Pelajar**

- Pada setiap tahun, YS menguruskan penempatan pelajar di dua (2) asrama pusat YS dan asrama sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di negeri Selangor. Mesyuarat bersama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) Dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah menetapkan kuota pengambilan pelajar pada tahun 2017 hingga 2019 masing-masing seramai 1,385, 1,215 dan 1,383 pelajar. Semakan Audit mendapati **prestasi pengambilan pelajar RKPYS berbanding kuota**

**bagi tempoh dari tahun 2017 hingga 2019 hanya dicapai antara 44.2% hingga 57.8%** seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PRESTASI PENGAMBILAN PELAJAR RKPYS BERBANDING KUOTA**  
**BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	KUOTA	PERMOHONAN	TAWARAN	KUOTA DIISI		KUOTA TIDAK DIISI	
	BILANGAN PELAJAR				%	BILANGAN PELAJAR	%
2017	1,385	978	664	612	44.2	773	55.8
2018	1,215	1,005	840	702	57.8	513	42.2
2019	1,383	1,447	952	721	52.1	662	47.9

Sumber: Bahagian Hal Ehwal Pelajar, YS

- Antara faktor pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran kuota yang ditetapkan seperti dalam Rekod Kuota dan Permohonan adalah kerana permohonan yang diterima kurang daripada kuota dan tempoh pengambilan pelajar yang diberikan oleh JPNS dan JPWPKL adalah singkat iaitu selama sebulan sahaja. Selain itu, pemohon yang berjaya menolak tawaran kerana sekolah yang ditempatkan oleh YS adalah bukan sekolah pilihan sendiri atau pelajar keluar dari YS apabila menerima tawaran KPM untuk ke sekolah lain. Kesannya, dalam tempoh tersebut bantuan pendidikan melalui program ini tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh lebih ramai rakyat negeri Selangor.

#### **Maklum Balas YS yang diterima pada 19 Mei dan 24 Jun 2020**

Dasar RKPYS akan dimasukkan di dalam SOP Bahagian HEP sebelum bulan Oktober 2020 untuk memastikan selari dengan perubahan semasa Dasar KPM. Buku Dasar Pendidikan Bahagian Pendidikan sedang dalam proses kaji selidik, penambahbaikan dan seterusnya akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pendidikan serta ALPA sebelum akhir tahun 2020.

#### **ii. Program Pembiayaan Pinjaman Pelajaran**

- YS menetapkan sasaran minimum pembiayaan pinjaman pelajaran adalah sebanyak 80% daripada jumlah anggaran peruntukan tahunan. Semakan Audit mendapati **jumlah pinjaman yang diberikan pada tahun 2017 melebihi anggaran peruntukan iaitu sebanyak 204.6%. Ini adalah kerana YS terkurang**

**membuat anggaran peruntukan tanpa mengambil kira akaun pinjaman yang sedia ada.** Bagaimanapun, bagi tahun 2018 dan 2019 anggaran peruntukan telah mengambil kira akaun pinjaman sedia ada dan akaun pinjaman baharu menjadikan sasaran minimum pembiayaan pinjaman pelajaran telah tercapai seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PRESTASI PROGRAM PEMBIAYAAN PINJAMAN PELAJARAN BERBANDING**  
**ANGGARAN PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	ANGGARAN PERUNTUKAN PEMBIAYAAN PINJAMAN	JUMLAH PEMBIAYAAN PINJAMAN	PENCAPAIAN PEMBIAYAAN BERBANDING ANGGARAN	BILANGAN PEMINJAM TERKUMPUL	LEBIHAN/KURANGAN ANGGARAN PERUNTUKAN PEMBIAYAAN	
					RM (Juta)	%
2017	1.94	3.97	204.6	945	(2.03)	104.6
2018	5.80	4.64	80.0	1,157	1.16	20.0
2019	6.22	5.81	93.4	1,296	0.41	6.6

Sumber: Bahagian Pembiayaan Pendidikan, YS

### Maklum Balas YS yang diterima pada 30 Oktober 2020

YS telah menggunakan sekurang-kurangnya 80% daripada peruntukan pembiayaan tahunan seperti yang disasarkan. Pembiayaan adalah bergantung sepenuhnya kepada kekuatan kewangan semasa YS.

**Pendapat  
Audit**

**Prestasi pencapaian output bagi program RKPYS adalah kurang cekap kerana sasaran belum tercapai sepenuhnya manakala pencapaian bagi program pembiayaan pinjaman pelajaran adalah memuaskan.**

#### b. Pencapaian *Outcome*

##### i. Program RKPYS - Pencapaian Akademik

- YS menetapkan pencapaian *outcome* akademik program RKPYS dengan menyasarkan 60% pelajar RKPYS mendapat keputusan 5A dan ke atas dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Semakan Audit mendapati sasaran keputusan peperiksaan SPM pelajar RKPYS pada tahun 2017 tidak tercapai yang mana hanya seramai 400 pelajar (51.5%) yang berjaya mendapat keputusan 5A dan ke atas berbanding 777

pelajar yang menduduki peperiksaan SPM. Ini adalah kerana pada tahun tersebut pelajar masih dalam proses untuk mengadaptasi pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang diperkenalkan oleh KPM dalam sistem persekolahan mulai tahun 2015.

- Bagaimanapun, **sasaran pencapaian akademik telah dicapai pada tahun 2018 dan 2019 iaitu masing-masing sebanyak 60.3% dan 60% pelajar mendapat keputusan 5A dan ke atas**. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PENCAPAIAN PELAJAR RKPYS DALAM PEPERIKSAAN SPM**  
**BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	BILANGAN PELAJAR YANG MENDUDUKI PEPERIKSAAN SPM	PELAJAR MENCAPAI KEPUTUSAN SPM 5A DAN KE ATAS	
		BILANGAN	%
2017	777	400	51.5
2018	662	399	60.3
2019*	580	348	60.0

Sumber: Bahagian Hal Ehwal Pelajar, YS

Nota: \*Maklumat tahun 2019 belum lengkap bagi satu (1) lagi sekolah

### Maklum Balas YS yang diterima pada 19 Mei dan 24 Jun 2020

Maklumat pencapaian pelajar bagi tahun 2019 masih belum lengkap dengan satu (1) lagi sekolah kerana kekangan untuk mendapatkan maklumat semasa PKP dilaksanakan.

#### ii. Program RKPYS – Kemudahan Asrama

- Dalam program RKPYS, YS memastikan pelajar tingkatan satu (1) hingga lima (5) ditempatkan di dua (2) buah asrama pusat YS yang diuruskan oleh YS iaitu di Sabak Bernam dan Klang. Selain itu, pelajar juga ditempatkan di 40 buah asrama daerah YS di bawah KPM.
- YS tidak menetapkan pencapaian *outcome* terhadap keberkesanan kemudahan dan kebersihan di asrama pusat YS. Oleh itu, edaran soal selidik oleh pihak Audit kepada 75 pelajar asrama pusat YS Sabak Bernam telah dibuat untuk menilai tahap kepuasan pelajar terhadap kebersihan dan penyediaan kemudahan asrama. Jenis kemudahan yang dinilai adalah bilik asrama, dewan makan, tandas, surau, ruang belajar, tempat menjemur pakaian, seterika, bekalan air dan elektrik, telefon

awam dan koperasi jualan keperluan asas. Hasil soal selidik yang diterima daripada seramai 68 (90.7%) pelajar adalah seperti berikut:


- **Kebersihan asrama pusat YS Sabak Bernam**

seramai 34 (50%) pelajar berpendapat tahap kebersihan adalah sangat memuaskan manakala 31 (45%) pelajar berpendapat ianya memuaskan. Selain itu, terdapat tiga (3) (5%) pelajar berpendapat tahap kebersihan asrama pusat YS Sabak Bernam di tahap tidak memuaskan. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 3**.


- **Kemudahan asrama pusat YS Sabak Bernam**

seramai 32 (48%) pelajar berpendapat penyediaan kemudahan yang disediakan di asrama pusat YS Sabak Bernam adalah sangat memuaskan manakala 29 (42%) pelajar memberikan maklum balas memuaskan. **Selain itu, terdapat juga tujuh (7) (10%) pelajar berpendapat penyediaan kemudahan berada di tahap tidak memuaskan.** Majoriti pelajar tidak berpuas hati hanya sebuah seterika disediakan untuk digunakan oleh seramai 75 pelajar asrama. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 4**.

**CARTA 3**



**CARTA 4**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Selangor

### **Maklum Balas YS yang diterima pada 19 Mei dan 24 Jun 2020**

Pihak pengurusan asrama akan menyediakan SOP pembersihan dan kawalan keberkesanan kemudahan asrama sebelum bulan Oktober 2020 untuk kelulusan. Pihak asrama telah menyediakan tiga (3) unit seterika tetapi disebabkan oleh kecuaian pelajar, maka langkah keselamatan telah diambil dengan memastikan hanya satu (1) unit dibekalkan dan dipantau oleh penyelia asrama. Pihak asrama akan mengkaji semula kemudahan ini di atas faktor keselamatan dan disiplin di kalangan pelajar.

### **iii. Program Pembiayaan Pinjaman Pelajaran**

YS tidak menetapkan pencapaian *outcome* bagi program pembiayaan pinjaman pelajaran. Semakan Audit terhadap laporan pembiayaan kepada pelajar mendapati seramai 312 pelajar diberikan pinjaman pada tahun 2017 hingga 2019. Seramai 243 (77.88%) daripada 312 pelajar tersebut diberikan pinjaman berjumlah RM14.42 juta sehingga tamat pengajian manakala 69 pelajar (22.12%) tamat dibiayai kerana menerima tawaran lain atau berhenti belajar. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**PELAJAR TAMAT DIBIAYAI PADA TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN TAMAT DIBIAYAI	BILANGAN PELAJAR DIBIAYAI	BILANGAN PELAJAR TAMAT DIBIAYAI KERANA MENERIMA TAWARAN LAIN/ BERHENTI BELAJAR	BILANGAN PELAJAR DIBIAYAI HINGGA TAMAT PENGAJIAN	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM Juta)
2017	46	7	39	3.97
2018	92	23	69	4.64
2019	174	39	135	5.81
<b>JUMLAH</b>	<b>312</b>	<b>69</b>	<b>243</b>	<b>14.42</b>

Sumber: Bahagian Pembiayaan Pendidikan, YS

### **Maklum Balas YS yang diterima pada 19 Mei dan 24 Jun 2020**

Bilangan pelajar dan jumlah pembiayaan diberikan berdasarkan peruntukan tahunan dan bilangan pelajar yang telah dibiayai bagi tahun semasa.

**Pendapat Audit** | Prestasi pencapaian *outcome* bagi program RKPYS merangkumi pencapaian akademik dan kemudahan asrama serta program pembiayaan pinjaman pelajaran adalah memuaskan. Ini adalah kerana usaha YS dalam memberi galakan dan kemudahan pendidikan kepada rakyat negeri Selangor di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

### 5.2.2. Pelaksanaan Aktiviti

Semakan Audit terhadap pelaksanaan aktiviti YS dalam memberikan perkhidmatan pendidikan melalui program RKPYS dan pengurusan harta tanah mendapati:

#### a. Program RKPYS - Pengambilan Pelajar

- i. Kertas cadangan pengambilan pelajar RKPYS ke tingkatan 1 yang diluluskan bagi pengambilan tahun 2017 hingga 2019 oleh Pengurus Kanan YS menetapkan pemohon atau ibu atau bapa pemohon lahir di negeri Selangor atau bermastautin sekurang-kurangnya 10 tahun. Kertas cadangan tersebut juga menetapkan pemohon perlu mendapat keputusan sekurang-kurangnya 4A2C dalam peperiksaan UPSR bagi pengambilan pelajar tahun 2017 dan 2018 manakala 2A4B bagi pengambilan tahun 2019.
- ii. Perenggan 7.4, Peraturan YS mengenai pengambilan pelajar tingkatan 1 RKPYS (No. Dokumen: YS/PU/HEP - 01) menyatakan borang permohonan yang tidak lengkap dengan dokumen sokongan seperti salinan keputusan UPSR, salinan surat beranak, salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa serta salinan penyata gaji/surat pengesahan pendapatan dan kegiatan kokurikulum diklasifikasikan sebagai gagal. Perenggan 7.5.1 peraturan yang sama menyatakan Pegawai Penilai menyemak dan menilai borang permohonan PKA/1 dan mengisi Borang Penilaian.
- iii. Semakan Audit terhadap 130 sampel permohonan yang berjaya bagi tahun 2017 hingga 2019 mendapati **sebanyak 65 pemohon atau 50% tidak memenuhi syarat sama ada kerakyatan negeri, keputusan peperiksaan UPSR atau ketiadaan dokumen sokongan.**

## **Maklum Balas YS yang diterima pada 24 Jun dan 30 Oktober 2020**

Kelonggaran syarat kelayakan pengambilan pelajar berdasarkan keputusan UPSR tahun 2018 dan 2019 telah diputuskan dalam perbincangan wakil pegawai dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar, YS dengan Ketua Sektor Pengurusan Sekolah. Bagaimanapun, keputusan perbincangan tersebut tidak diminitkan. Syarat kerakyatan dan dokumen sokongan yang tidak dipatuhi adalah kerana kecuaian Pegawai Penilai dalam menyemak dan menilai borang permohonan. Bagaimanapun, YS akan melakukan penambahbaikan dalam proses pemilihan pelajar RKPYS serta memasukkan syarat kelayakan di dalam SOP serta Dasar Bahagian Pendidikan untuk kelulusan Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan dan ALPA.

**Pendapat Audit** | **Proses pengambilan pelajar RKPYS adalah tidak cekap dan tidak teratur kerana proses pemilihan pelajar RKPYS tidak dibuat dengan teliti.**

### **b. Program RKPYS - Pemberian Biasiswa**

- i. Peraturan YS mengenai penawaran biasiswa pelajar RKPYS (No. Dokumen: YS/PS/HEP - 01) menyatakan objektif penawaran tersebut adalah memastikan semua pelajar RKPYS ditawarkan biasiswa. Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan dan Operasi YS menetapkan kategori pemberian biasiswa seperti berikut:
  - Biasiswa Kecil berjumlah RM700 setahun (RM350 sepenggal) diberikan mengikut penggal kepada pelajar cemerlang UPSR dengan pendapatan per kapita keluarga melebihi RM500; dan
  - Biasiswa Khas berjumlah RM1,000 setahun (RM500 sepenggal) diberikan mengikut penggal kepada pelajar cemerlang UPSR dengan pendapatan per kapita keluarga kurang daripada RM500.
- ii. Pembayaran dibuat dua (2) kali setahun kepada pelajar yang melepas KPI akademik dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun seperti berikut:
  - peratus pencapaian akademik hendaklah mencapai 70% dan ke atas bagi tingkatan 1 hingga 3; dan

- peratus pencapaian akademik hendaklah mencapai 60% dan ke atas bagi tingkatan 4 dan 5.

iii. Pihak Audit mendapatkan:

- **seramai 10 pelajar tingkatan 1 tahun 2017 dengan pendapatan per kapita keluarga melebihi RM500 yang sepatutnya diberikan Biasiswa Kecil berjumlah RM4,550 telah menerima Biasiswa Khas berjumlah RM6,500. Hal ini telah menyebabkan YS terlebih bayar sejumlah RM1,950.**

Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**BIASISWA KHAS DIBERIKAN KEPADA PELAJAR DENGAN**  
**PENDAPATAN PER KAPITA KELUARGA MELEBIHI RM500**

BIL.	NOMBOR KAD PENGENALAN	PENDAPATAN PER KAPITA (RM)	JUMLAH YANG DITERIMA (RM)	JUMLAH PATUT TERIMA (RM)	JUMLAH TERLEBIH BAYAR (RM)
1.	xxxxxx-xx-0979	504.02	500	350	150
2.	xxxxxx-xx-0460	560.00	1,000	700	300
3.	xxxxxx-xx-0042	982.00	500	350	150
4.	xxxxxx-xx-0911	1,370.00	500	350	150
5.	xxxxxx-xx-0337	800.00	1,000	700	300
6.	xxxxxx-xx-0046	797.73	1,000	700	300
7.	xxxxxx-xx-0570	1,170.00	500	350	150
8.	xxxxxx-xx-1569	560.00	500	350	150
9.	xxxxxx-xx-0421	579.31	500	350	150
10.	xxxxxx-xx-0152	650.00	500	350	150
<b>JUMLAH</b>			<b>6,500</b>	<b>4,550</b>	<b>1,950</b>

Sumber: Bahagian Hal Ehwal Pelajar, YS

- **biasiswa sejumlah RM1,900 telah dibayar kepada dua (2) pelajar tingkatan 4 dan 5 serta tiga (3) pelajar tingkatan 1 yang mencapai keputusan kurang daripada 60% dan 70%.**

Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PELAJAR DENGAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN**  
**KURANG DARIPADA 60% DAN 70% MENERIMA BIASISWA**

BIL.	NOMBOR KAD PENGENALAN	PEPERIKSAAN	MARKAH (%)	JUMLAH (RM)
1.	xxxxxx-xx-0026	Pertengahan Tahun Tingkatan 5	56.40	350
2.	xxxxxx-xx-0481	Pertengahan Tahun Tingkatan 4	59.45	350
3.	xxxxxx-xx-0668	Pertengahan Tahun Tingkatan 1	61.10	350
4.	xxxxxx-xx-1401	Akhir Tahun Tingkatan 1	63.10	350
5.	xxxxxx-xx-0968	Akhir Tahun Tingkatan 1	66.00	500
<b>JUMLAH</b>				<b>1,900</b>

Sumber: Bahagian Hal Ehwal Pelajar, YS

- Pihak Audit mendapati senarai penerima biasiswa disediakan secara manual menyebabkan terdapat pelajar yang tidak layak telah menerima biasiswa dan kemungkinan pelajar yang layak tidak berpeluang mendapat biasiswa.

**Maklum Balas YS yang diterima pada 24 Jun dan 30 Oktober 2020**

YS telah mengambil langkah penambahbaikan dengan mewujudkan integrasi sistem supaya proses semakan dapat dibuat secara automatik serta memastikan proses pembayaran yang lebih teratur dan tepat.

**Pendapat Audit** | Proses pembayaran biasiswa adalah kurang cekap dan tidak teratur disebabkan kecuaian pegawai yang bertanggungjawab dalam meluluskan pembayaran.

**c. Sewaan Hartanah - Prestasi Kutipan Tunggakan Sewaan Hartanah**

- i. YS tidak menetapkan sasaran kutipan tunggakan sewaan harta tanah. Analisis Audit terhadap kutipan tunggakan sewaan harta tanah berbanding dengan jumlah tunggakan bagi tahun 2017 hingga 2019 mendapati **prestasi kutipan adalah rendah iaitu antara 12.5% hingga 22.8%** seperti dalam **Jadual 10**. Pihak YS memaklumkan bahawa kutipan tunggakan sewaan harta tanah adalah rendah kerana jumlah tunggakan terdiri daripada bekas penyewa yang telah menamatkan operasi atau tidak dapat dihubungi.

**JADUAL 10**  
**KUTIPAN TUNGGAKAN SEWAAN HARTANAH**  
**BERBANDING JUMLAH TUNGGAKAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	TUNGGAKAN SEWAAN HARTANAH PADA 1 JANUARI (RM Juta)	KUTIPAN TUNGGAKAN SEWAAN HARTANAH (RM Juta)	KUTIPAN SEWAAN HARTANAH BERBANDING TUNGGAKAN %
2017	9.21	1.15	12.5
2018	10.92	2.49	22.8
2019	10.89	1.90	17.4

Sumber: Bahagian Pengurusan Harta, YS

- ii. Semakan Audit terhadap tunggakan sewaan harta bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 mendapati tunggakan pada tahun 2019 berjumlah RM8.27 juta menurun sejumlah RM2.62 juta (24.1%) berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM10.89 juta. Bagi tahun 2018, tunggakan menurun sejumlah RM0.03 juta (0.3%) berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM10.92 juta. Punca utama penurunan tunggakan adalah kerana YS membuat pelarasan deposit sewaan dengan tunggakan bagi akaun bekas penyewa. Selain itu, YS juga membuat kutipan tunggakan daripada penyewa sedia ada. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**TUNGGAKAN SEWAAN HARTANAH BAGI**  
**TAHUN 2017 HINGGA 2019**

TAHUN	TUNGGAKAN SEWAAN HARTANAH PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENURUNAN BERBANDING TAHUN SEBELUM	
		(RM Juta)	%
2017	10.92	-	-
2018	10.89	0.03	0.3
2019	8.27	2.62	24.1

Sumber: Bahagian Kewangan, YS

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tunggakan paling tinggi pada tahun 2019 adalah bangunan YS Bukit Bintang dengan tunggakan berjumlah RM3.33 juta atau 44.9% daripada jumlah keseluruhan tunggakan**. Faktor penyumbang kepada tunggakan paling tinggi tersebut adalah kerana sebanyak 82 (94.3%) daripada 87 bekas penyewa mempunyai tunggakan melebihi enam (6) tahun berjumlah RM2.22 juta menyukarkan YS untuk mengurangkan masalah tunggakan. Butiran keseluruhan adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**TUNGGAKAN SEWAAN HARTANAH SEHINGGA 31 DISEMBER 2019**

BIL.	HARTANAH	BIL. PENYEWA	RM Juta	JUMLAH BERBANDING KESELURUHAN %
1.	Bangunan YS Bukit Bintang	87	3.33	44.9
2.	Bangunan Yayasan Selangor Kampung Baru	30	2.22	30.0
3.	Rumah Kedai Ampang Point	30	0.46	6.2
4.	Kondominium/Rumah Kedai Kelana Jaya	5	0.43	5.8
5.	Kondominium Puncak Damansara	34	0.36	4.9
6.	Menara YS Petaling Jaya	7	0.30	4.1
7.	Premis lain (rumah/rumah kedai)	21	0.20	2.6
8.	Kondominium Universiti Tower, Petaling Jaya	18	0.08	1.1
9.	Rumah Kedai Jalan Stesen Klang	2	0.02	0.2
10.	Rumah Kedai Semenyih Central	2	0.02	0.2
<b>JUMLAH</b>		<b>236</b>	<b>7.42</b>	

Sumber: Bahagian Pengurusan Harta, YS

- iv. Kutipan tunggakan sewaan harta yang rendah dan ketiadaan sasaran boleh menyebabkan sumber pendapatan YS melalui kutipan sewaan harta tidak dapat dijana secara maksimum.

**Maklum Balas YS yang diterima pada 19 Mei dan 24 Jun 2020**

YS sedang mengambil tindakan pemutihan terhadap tunggakan akaun dengan meneruskan usaha mendapatkan tunggakan sewaan daripada bekas penyewa yang boleh dihubungi dan membuat tuntutan melalui tindakan perundangan. Selain itu, YS akan membuat pelupusan tunggakan selepas semua usaha untuk mendapatkan tunggakan telah dilaksanakan mengikut proses undang-undang.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Pengurusan sewaan harta YS adalah kurang cekap. Bagaimanapun, tindakan YS melaksanakan proses pemutihan terhadap tunggakan adalah wajar ke arah mencapai tunggakan sifar.</b>
-----------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**d. Sewaan Hartanah - Projek Pembangunan Semula Hartanah**

- i. Sejak tahun 2012, Bangunan YS di Bukit Bintang tidak disewakan dan menyebabkan potensi YS untuk mendapatkan hasil sewaan yang tinggi tidak dapat dibuat. Oleh itu, mulai tahun 2016, YS telah mengambil keputusan

untuk membangunkan semula bangunan tersebut dengan mengeluarkan iklan tawaran secara tender melalui konsep *Request For Proposal*. *Gross Development Construction* bagi projek ini adalah berjumlah RM95 juta. Seramai 25 petender telah menghadiri lawatan tapak dan 11 petender yang membeli dokumen tender tetapi hanya dua (2) petender yang menghantar dokumen tender.

- ii. Penilaian telah dibuat terhadap dua (2) petender tersebut dan kemudian satu (1) Perjanjian Konsesi telah ditandatangani antara Pemegang Konsesi, nombor pendaftaran syarikat 1166553-K yang dilantik oleh YS pada 22 Mac 2019 bagi membangunkan semula bangunan tersebut kepada sebuah hotel secara pajakan. Tempoh pajakan adalah selama 25 tahun dengan pulangan hasil kepada YS berjumlah RM9.5 juta. Semakan Audit terhadap pematuhan kontrak bagi membangunkan semula bangunan tersebut kepada komersial dan hotel secara pajakan mendapati perkara seperti berikut:

- **Pembayaran Lewat Dibuat**

- Klaus 5.1 Perjanjian Konsesi mengenai *part payment* menetapkan Pemegang Konsesi hendaklah membayar sejumlah RM1.8 juta sebaik sahaja Perjanjian Konsesi ditandatangani.
- Perjanjian Konsesi telah ditandatangani oleh kontraktor Pemegang Konsesi dan YS pada 22 Mac 2019. Semakan Audit mendapati Pemegang Konsesi gagal membuat bayaran tersebut kepada YS setelah Perjanjian Konsesi ditandatangani. Semakan Audit selanjutnya terhadap minit Mesyuarat *Dispute Resolution Committee* telah bersidang pada 1 Ogos 2019 mendapati kontraktor Pemegang Konsesi mengakui bahawa mereka kekurangan modal dan memohon lanjutan masa untuk membuat pembayaran tersebut. **Kontraktor Pemegang Konsesi hanya membuat pembayaran tersebut selepas lima (5) bulan iaitu pada 23 Ogos 2019 dan setelah tujuh (7) kali peringatan dikeluarkan.**

### **Maklum Balas YS yang diterima pada 19 Mei dan 24 Jun 2020**

YS telah mengeluarkan beberapa peringatan melalui saluran perundangan terhadap kegagalan pembayaran RM1.8 juta. Mesyuarat *Dispute Resolution Committee* telah bersidang pada 1 Ogos 2019 dan memutuskan pembayaran akhir hendaklah dibuat pada 23 Ogos 2019 atau pihak YS berhak untuk menamatkan perjanjian sekiranya gagal.

- **Notis Remedi Lewat Dikeluarkan**

- Klaus 11.1(a)(ii) Perjanjian Konsesi menetapkan Notis Remedi hendaklah dikeluarkan sekiranya kontraktor melanggar klaus perjanjian ini.
- Semakan Audit mendapati **YS hanya mengambil tindakan mengeluarkan Notis Remedi kepada Pemegang Konsesi pada 16 Julai 2019 setelah 116 hari daripada tarikh sepatutnya notis remedii pembayaran sejumlah RM1.8 juta dibuat.**
- YS masih memberi peluang kepada kontraktor Pemegang Konsesi kerana sebelum ini projek tersebut telah dibuka untuk proses perolehan tender sebanyak lima (5) kali. Ketidaktegasan YS boleh menyebabkan Pemegang Konsesi cenderung untuk melanggar syarat perjanjian pada masa hadapan.

### **Maklum Balas YS yang diterima pada 19 Mei dan 24 Jun 2020**

YS tidak mengeluarkan Notis Remedi kerana persetujuan telah dibuat oleh Pengurusan YS untuk membenarkan tempoh pembayaran dibuat sehingga 21 April 2019. Bagaimanapun, pihak Pemegang Konsesi memohon penangguhan pembayaran tersebut.

**Pendapat Audit** | **Tindakan susulan YS terhadap pematuhan kontraktor Pemegang Konsesi dalam projek pembangunan semula bangunan Bukit Bintang adalah kurang cekap.**

### **5.3. Kedudukan Kewangan**

5.3.1. YS telah melantik MNZWAJA Associates untuk melaksanakan pengauditan penyata kewangan YS. Bagaimanapun sehingga 14 Mac 2020, analisis Audit terhadap kedudukan kewangan YS bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 merangkumi pendapatan, perbelanjaan, dan untung rugi, aset, dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai tidak dapat dijalankan kerana **penyata kewangan bagi tahun kewangan tersebut masih belum selesai disediakan dan dimuktamadkan oleh juruaudit.**

5.3.2. Kelewatan adalah disebabkan oleh pertukaran standard perakaunan daripada MPERS ke MFRS yang mengakibatkan banyak pelarasan dan penyesuaian akaun perlu dilaksanakan. Penyata kewangan yang tidak disediakan dan diaudit dalam tempoh enam bulan dari tahun kewangan berakhir jelas melanggar Perenggan 248 Akta Syarikat 2016. ALPA dan pengurusan tertinggi ketika itu boleh disabitkan denda tidak melebihi RM500 ribu atau dipenjarakan tidak melebihi setahun atau kedua-duanya.

#### **Maklum Balas YS yang diterima pada 30 Oktober 2020**

Mesyuarat ALPA bertarikh 7 Oktober 2020 telah meluluskan Penyata Kewangan Beraudit untuk tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019. Pihak pengurusan akan membentangkan penyata kewangan sebelum akhir tahun 2020 dan kemudian menyerahsimpan penyata kewangan kepada SSM.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>YS tidak memberi penekanan kepada kedudukan kewangan syarikat sebagaimana yang dicerminkan oleh kegagalan memastikan penyata kewangan diaudit dalam tempoh yang ditetapkan.</b>
-----------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan, objektif penubuhan YS tidak tercapai sepenuhnya. Amalan tadbir urus korporat YS adalah memuaskan namun beberapa penambahbaikan diperlukan dalam aspek Lembaga Pemegang Amanah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Perancangan Strategik dan JKA. Kedudukan kewangan syarikat tidak dapat dinilai kerana penyata kewangan tahun 2016, 2017 dan 2018 masih belum

selesai disediakan dan diaudit oleh Juruaudit Luar. Prestasi pencapaian output pengambilan pelajar bagi program RKPYS tidak mencapai jumlah yang disasarkan manakala prestasi program pembiayaan pinjaman pelajaran berada pada tahap yang cekap. Prestasi *outcome* pencapaian akademik bagi program RKPYS pada tahun 2018 dan 2019 telah tercapai, namun bagi tahun 2017 tidak tercapai. Manakala kemudahan dan kebersihan asrama adalah memuaskan. Aspek pengurusan program pula didapati proses pengambilan pelajar RKPYS dan pemberian biasiswa adalah tidak cekap dan tidak teratur. Selain itu, aspek prestasi kutipan sewaan harta tanah dan projek pembangunan semula harta tanah adalah kurang cekap namun masih boleh ditambahbaik.

## 7. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan YS dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pemegang Amanah YS perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 7.1. mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat antaranya berkaitan peranan Pengerusi, peranan Lembaga Pemegang Amanah, peranan Setiausaha Syarikat, kelulusan SOP, kelulusan dan pemantauan Pelan Perancangan Strategik serta peranan JKA;
- 7.2. mengkaji semula syarat kelayakan sebagai pelajar RKPYS mengenai keputusan peperiksaan UPSR dan didokumenkan, memberi taklimat yang berkesan kepada Pegawai Penilai dan menyediakan senarai menunggu di kalangan pemohon bagi mengisi kekosongan kuota apabila pelajar menolak tawaran atau pelajar keluar dari YS;
- 7.3. proses kelulusan pembayaran biasiswa hendaklah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan dan memastikan tiada kelewatan pembayaran biasiswa kepada pelajar;
- 7.4. semua kertas cadangan, sebarang perubahan seperti undang-undang dan peraturan, panduan pemarkahan dan sebagainya perlu dibawa ke mesyuarat ALPA;
- 7.5. memastikan kontraktor Pemegang Konsesi projek pembangunan semula bangunan YS di Bukit Bintang mematuhi klausa kontrak perjanjian; dan
- 7.6. memastikan penyediaan dan pengauditan terhadap Penyata Kewangan YS dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.



# **PENUTUP**



---

## **PENUTUP**

---

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti Kerajaan. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak jabatan dan syarikat kerajaan yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran audit yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 1 ini. Sebagai rumusan, empat (4) cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
  - a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
  - b. Jabatan dan syarikat Kerajaan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
  - c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti Kerajaan serta pengurusan syarikat Kerajaan.
  - d. Agensi Kerajaan negeri dan Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat Kerajaan untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.
2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
20 November 2020**





**AKRONIM**



---

## AKRONIM

---

<b>ALPA</b>	Ahli Lembaga Pemegang Amanah
<b>BSH</b>	Bantuan Sara Hidup
<b>DG</b>	<i>Direct Grant</i>
<b>DUN</b>	Dewan Undangan Negeri
<b>INTOSAI</b>	<i>The International Organisation of Supreme Audit Institutions</i>
<b>IPR</b>	Inisiatif Peduli Rakyat
<b>JAN</b>	Jabatan Audit Negara
<b>JKA</b>	Jawatankuasa Audit
<b>JPNS</b>	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
<b>JPWPKL</b>	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
<b>KN</b>	Kerajaan Negeri
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>LHDN</b>	Lembaga Hasil Dalam Negeri
<b>LKAN</b>	Laporan Ketua Audit Negara
<b>M&amp;A</b>	Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat
<b>MCCG</b>	<i>Malaysian Code on Corporate Governance</i>
<b>MMKN</b>	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
<b>PBT</b>	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PKM</b>	Pusat Khidmat Masyarakat
<b>PKNS</b>	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
<b>PKP</b>	Perintah Kawalan Pergerakan
<b>RKPYS</b>	Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor
<b>SELCARE</b>	Selcare Management Sdn. Bhd.
<b>SOP</b>	<i>Standard Operating Procedure</i>
<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>SPS</b>	Skim Peduli Sihat
<b>SSM</b>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
<b>TPHA</b>	<i>Third Party Healthcare Administrator</i>
<b>UPEN</b>	Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
<b>UPSR</b>	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
<b>YS</b>	Yayasan Selangor



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2020  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773  
Dibentang di Dewan Rakyat : 10 Disember 2020







JABATAN AUDIT NEGARA  
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62000 PUTRAJAYA